



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
Penang Regional Development Authority

LAPORAN TAHUNAN 2016

"Merealisasikan Harapan Rakyat"

Agensi & Institut Khasa Selia: ICU, IPM



KANDUNGAN

1	PERUTUSAN Pengerusi	42	PEMBANGUNAN EKONOMI
4	ALUAN PENGURUS BESAR		• Program Pembangunan Usahawan Mikro, Kecil & Sederhana • Program Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX) 2016 • Program Pembangunan <i>Homestay</i>
7	LATAR BELAKANG ORGANISASI	49	PEMBANGUNAN MODAL INSAN
11	PROFIL KORPORAT		• Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) • Program Pemantapan Sahsiah Belia • Program Pemerdayaan Belia • Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
	• Lembaga Pengarah • Pengurusan Atasan • Pengurus-Pengurus Bahagian & Ketua-Ketua Unit • Jawatankuasa Audit PERDA	56	ANAK SYARIKAT - PERDA VENTURES INCORPORATED SDN.BHD. (PVISB)
18	INFORMASI PERSONEL		• Projek Usahasama & Pelaburan Hartanah • Agro <i>Industriy</i> • Projek Ternakan Kambing Komersial (PTKK) • Pengurusan <i>Midtown</i> • Perkhidmatan Pembersihan & Penyelenggaraan
	• Pengurusan Perjawatan • Pengurusan Latihan • Pengiktirafan & Kualiti	65	PENILAIAN OUTCOME
23	PRESTASI KEWANGAN		• Penilaian <i>Outcome</i> Program Belia Pewaris Nusa & U-Lead • Penilaian <i>Outcome</i> Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) • Penilaian <i>Outcome</i> Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi & Pemasaran) • Penilaian <i>Outcome</i> Program Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran
	• Prestasi Perbelanjaan Mengurus • Prestasi Perbelanjaan Pembangunan • Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun	71	DIARI PERISTIWA PERDA 2016
31	INFRASTRUKTUR ICT	77	PERDA DI AKHBAR
	• Pengukuhan Infrastruktur & Keselamatan ICT • Pembangunan & Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan	80	PENYATA KEWANGAN PERDA 2016
34	PERDA-TECH		
39	PEMBANGUNAN HARTANAH		
	• Projek Pembangunan Yang Telah Siap • Projek Pembangunan Dalam Pembinaan • Projek Pembangunan Dalam Perancangan		

JADUAL

13	JADUAL 1	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah Tahun 2016
17	JADUAL 2	Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA
19	JADUAL 3	Kedudukan Perjawatan PERDA Sehingga 31 Disember 2016
21	JADUAL 4	Pengiktirafan Yang Dicapai oleh PERDA Dalam Tahun 2016
24	JADUAL 5	Prestasi Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2016
26	JADUAL 6	Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Sehingga 31 Disember 2016
27	JADUAL 7	Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sumber Dalaman Sehingga 31 Disember 2016
28	JADUAL 8	Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Wang Amanah Sehingga 31 Disember 2016
30	JADUAL 9	Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA bagi Tahun 2012 Sehingga 2016
32	JADUAL 10	Perisian Yang Disediakan Di PERDA dan PERDA-TECH
33	JADUAL 11	Sistem Aplikasi <i>Online</i> dan Elektronik di PERDA
35	JADUAL 12	Bilangan Pelajar di PERDA-TECH mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2016
43	JADUAL 13	Aktiviti-aktiviti Kursus & Latihan Keusahawanan Tahun 2016

44	JADUAL 14	Aktiviti-aktiviti Pameran Produk Usahawan Tahun 2016
51	JADUAL 15	Aktiviti-aktiviti Program MPDCA 2016
55	JADUAL 16	Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tahun 2016
58	JADUAL 17	Senarai Projek Pembangunan PVISB
59	JADUAL 18	Komponen Pembangunan Taman Desa Ara
60	JADUAL 19	Komponen Pembangunan Projek Teluk Bahang
61	JADUAL 20	Senarai Pengusaha PERDA <i>Veggie Park</i>
63	JADUAL 21	Kekerapan Penyewaan Ruang <i>Midtown</i> bagi tahun 2016
64	JADUAL 22	Kekerapan Tempahan Pembersihan dan Penyelenggaraan Bagi Tahun 2016
67	JADUAL 23	<i>Outcome</i> Program Belia Pewaris Nusa & <i>U-Lead</i>
68	JADUAL 24	<i>Outcome</i> Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
69	JADUAL 25	<i>Outcome</i> Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi & Pemasaran)
70	JADUAL 26	<i>Outcome</i> Program Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

RAJAH

8	RAJAH 1	Kawasan Operasi PERDA
10	RAJAH 2	Susunan Kedudukan PERDA di bawah ICU JPM
16	RAJAH 3	Struktur Organisasi PERDA
20	RAJAH 4	Pematuhan Menghadiri Latihan Anggota Kerja Tetap PERDA Tahun 2016
24	RAJAH 5	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2015 & 2016
26	RAJAH 6	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Sumber Dalaman Bagi Tahun 2015 & 2016
27	RAJAH 7	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Bagi Tahun 2015 & 2016
29	RAJAH 8	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun 2012 sehingga 2016
29	RAJAH 9	Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2012 sehingga 2016
60	RAJAH 10	Prestasi Pelaksanaan Projek Teluk Bahang sehingga 31 Disember 2016

PERUTUSAN PENGGERUSI

“ Secara umumnya, usaha-usaha terus dipergiatkan dari semasa ke semasa bagi memperbaiki kualiti serta prestasi pencapaian program dan projek PERDA. PERDA juga telah berjaya mengekalkan kecemerlangan pengurusan terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan di mana PERDA sekali lagi telah berjaya mengekalkan Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan 2016 daripada Ketua Audit Negara. Ini menunjukkan bahawa PERDA berjaya menguruskan kewangannya dengan cekap, telus dan berakauntabiliti. ”

DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA



PERUTUSAN Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan keizinanNya PERDA dapat menyempurnakan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dalam menggembeling usaha dan tenaga untuk memajukan masyarakat bumiputera di Pulau Pinang.

Tahun 2016 merupakan tahun pertama di dalam Rancangan Malaysia ke sebelas (RMKe-11) di mana kaedah pengurusan bajet tahunan dilaksanakan secara *Rolling Plan* iaitu kelulusan bajet mengikut kaedah dua tahun dan prestasi dinilai melalui pencapaian *outcome*.

Di bawah RP1 RMKe-11 tahun 2016, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM13,620,950.00 bagi pelaksanaan 4 projek pembangunan. Peruntukan ini meliputi 3 projek/program sambungan iaitu Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran berjumlah RM6,500,000.00, Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan lain-lain kerja berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor berjumlah RM4,184,000.00 dan Projek Pembangunan PERDA-TECH berjumlah RM1,500,000.00 serta 1 projek baru iaitu Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap berjumlah RM1,436,950.00.

Sehingga 31 Disember 2016, daripada jumlah yang diluluskan sebanyak RM13,620,950.00, penyaluran yang dibuat adalah sebanyak RM13,310,450.00. PERDA telah membelanjakan keseluruhan 100% dari peruntukan yang diterima iaitu RM13,310,450.00. PERDA juga turut diluluskan penggunaan sumber dalaman Wang Hasil Terkumpul Pembangunan sehingga tahun 2016 sebanyak RM6,871,000.00 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi dan prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 65.01% telah dibelanjakan.

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan Wang Amanah berjumlah RM11,210,161.82 daripada lain-lain jabatan/agensi bagi pelaksanaan program & projek pembangunan dengan prestasi perbelanjaan berjumlah RM7,637,998.27 (68.13%) daripada jumlah peruntukan tersebut.

Pada tahun 2016, PERDA juga telah diluluskan peruntukan mengurus bagi Dasar Sedia Ada berjumlah RM14,802,700.00. Pihak JPM juga telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM6,500,000.00. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah peruntukan mengurus yang telah disalurkan adalah berjumlah RM21,302,700.00 dengan prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Selain itu, PERDA telah menggunakan sumber dalaman iaitu dari dana Kumpulan Wang Hasil bagi membiayai pelaksanaan lain-lain program. Peruntukan sumber dalaman PERDA sebanyak RM23,768,100.00 telah diluluskan bagi menampung anggaran kekurangan peruntukan mengurus. Sejumlah RM1,858,874.98 bersamaan 7.82% daripada sumber dalaman yang diluluskan telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus.

Secara umumnya, usaha-usaha terus dipergiatkan dari semasa ke semasa bagi memperbaiki kualiti serta prestasi pencapaian program dan projek PERDA. PERDA juga telah berjaya mengekalkan kecemerlangan pengurusan terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan di mana PERDA sekali lagi telah berjaya mengekalkan Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan 2016 daripada Ketua Audit Negara. Ini menunjukkan bahawa PERDA berjaya menguruskan kewangannya dengan cekap, telus dan berakauntabiliti.

Kejayaan yang dicapai oleh PERDA dalam melaksanakan program dan projek sepanjang tahun 2016 adalah didorong oleh semangat, kewibawaan serta kompetensi para pegawai yang tinggi serta kerjasama khususnya Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP). Penyaluran peruntukan wang amanah kepada PERDA oleh UPE melalui MPBPP telah banyak menyokong dalam pelaksanaan pelbagai program selaras dengan fungsi penubuhan PERDA serta Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang.

Sepanjang tahun 2016, PERDA telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan yang amat membanggakan hasil komitmen semua pihak. Sekalung tahniah kepada pihak pengurusan kerana telah berjaya memperolehi 13 anugerah pengiktirafan di peringkat kebangsaan antaranya Anugerah Malaysia *Good Design Mark* 2016 Usahawan Perda “Bantuan *Packaging*”, Anugerah Harta Intelekt Negara Peringkat Kebangsaan, *Top 1 Cisco Netrider 2016 Competition* dan lain-lain.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, Ketua Pengarah serta pegawai ICU JPM, ahli-ahli MPBPP, pemimpin-pemimpin masyarakat, pengurusan dan warga kerja PERDA keseluruhannya yang terlibat secara langsung dalam menjayakan agenda pembangunan oleh PERDA pada tahun 2016.

Sekian, Wassalam.



Datuk Haji Shabudin Haji Yahaya
Pengerusi PERDA

ALUAN PENGURUS BESAR

“Pengkukuran kepada pencapaian sesuatu program tidak hanya di nilai dari aspek kewangan sahaja, malah *outcome* dan *output* juga diambil kira sebagai kayu pengukur yang mana melihat kepada kesan terhadap penerima manfaat program. PERDA juga mengamalkan dasar perbelanjaan berhemah iaitu *value for money* yang menjadi prinsip utama pengurusan kewangan.”

TUAN HAJI ROSMAN HASHIM



ALUAN PENGURUS BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengizinkan PERDA masih relevan sehingga ke hari ini dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan baik untuk membangunkan kumpulan sasar untuk menikmati kehidupan yang sejahtera di wilayah pembangunan PERDA.

Pada tahun 2016, PERDA telah berjaya membelanjakan 100% peruntukan pembangunan yang disalurkan sebanyak RM13,310,450.00. Peruntukan ini meliputi 4 projek iaitu Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran, Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, dan Projek Pembangunan PERDA-TECH serta Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap. PERDA juga turut diluluskan penggunaan sumber dalaman Wang Hasil Terkumpul Pembangunan sehingga tahun 2016 sebanyak RM6,871,000.00 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi dan prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 65.01% telah dibelanjakan. Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan wang amanah berjumlah RM11,210,161.82 daripada lain-lain jabatan/agensi bagi pelaksanaan program & projek pembangunan dengan prestasi perbelanjaan sejumlah RM7,637,998.27 (68.13%) daripada jumlah peruntukan tersebut.

Pengukuran kepada pencapaian sesuatu program tidak hanya dinilai dari aspek kewangan sahaja, malah *outcome* dan *output* juga diambil kira sebagai kayu pengukur yang mana melihat kepada kesan terhadap penerima manfaat program. PERDA juga mengamalkan dasar perbelanjaan berhemah iaitu *value for money* yang menjadi prinsip utama pengurusan kewangan.

PERDA melebarkan lagi jangkauan peranannya dalam membangunkan kumpulan sasar dengan pelaksanaan jalinan strategik melalui ikatan persefahaman dengan beberapa agensi awam dan swasta. Ini telah dizahirkan di bidang latihan dengan kerjasama strategik di antara PERDA-TECH dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi MOSTI melalui MIMOS Berhad bagi program *3D Smart Maker* yang menjadikan institusi latihan yang pertama mengaplikasikannya. Dengan pengenalan kepada teknologi baru dalam pembuatan ini dapat menjadikan pelajar PERDA-TECH mempunyai nilai tambah di pasaran pekerjaan. Selain itu, PERDA juga menjalinkan kerjasama strategik dengan Perodua Sale Sdn Bhd melalui perjanjian persefahaman bagi pembangunan modal insan di PERDA-TECH dengan pendedahan kepada teknologi automotif terkini.

Sesungguhnya peranan yang digalas oleh PERDA bagi memastikan rakyat menerima manfaat dalam arus pembangunan negara adalah begitu besar dan mendapat sokongan pelbagai pihak terutamanya ICU JPM, EPU dan MPBPP yang banyak memberikan dokongan hingga program dan projek memajukan masyarakat di Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan yang diberikan oleh *stakeholders*, rakan-akan agensi serta masyarakat keseluruhannya merupakan kunci kepada kejayaan yang telah ditempa pada hari ini.

Justeru saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, ahli-ahli MPBPP, pemimpin-pemimpin setempat, warga kerja PERDA dan ahli masyarakat yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan program sepanjang tahun 2016.

Sekian, terima kasih.



Haji Rosman Haji Hashim
Pengurus Besar PERDA




[01]

LATAR BELAKANG ORGANISASI

KAWASAN OPERASI PERDA

PETUNJUK -

	Kawasan Operasi PERDA (Tidak Termasuk Daerah Timur Laut)
	Kawasan Metropolitan
	Kawasan Hutan Simpan
SPU	Seberang Perai Utara
SPT	Seberang Perai Tengah
SPS	Seberang Perai Selatan
DBD	Daerah Barat Daya
DTL	Daerah Timur Laut



RAJAH 1 : Kawasan Operasi PERDA

Kawasan operasi PERDA tidak termasuk bandar/pekan yang diwartakan, tanah simpanan, sungai, hutan simpan, simpanan kubur, pantai dan pulau-pulau.

PENUBUHAN PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). PERDA telah mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

OBJEKTIF

- Memajukan masyarakat khususnya kumpulan sasar PERDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup;
- Membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastruktur; dan
- Mengimbangi pembangunan di dalam kawasan operasi PERDA dengan kawasan di luar operasi PERDA.

FUNGSI

- Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

VISI

- Agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan wilayah Pulau Pinang.

MISI

- Agensi yang menggerakkan pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program/projek sosioekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik wilayah Pulau Pinang.

KETUA PENGARAH



RAJAH 2 : SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH ICU JPM
Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

The background of the slide features a grayscale image of a person's hand interacting with a digital interface. Overlaid on this are various futuristic and data-oriented graphics: a large red chevron pointing downwards on the left; a circular gauge with a needle and a red segment; a hexagonal grid containing several small icons; a line graph with multiple peaks; a bar chart with five bars of increasing height; and a circular dial showing a percentage of 33%. The overall aesthetic is high-tech and professional.

[02]

PROFIL KORPORAT

AHLI LEMBAGA PENGARAH



- 1 | Datuk Haji Shabudin Yahaya - **Pengerusi**
- 2 | Dato' Ir .Dr. Shaik Hussein Mydin - **Timbalan Pengerusi**
- 3 | Datuk Haji Nor Rizan Mohd.Thani - **Wakil Kerajaan Persekutuan**
- 4 | Dr. Noor Siah Idris - **Wakil Berkedudukan Profesional**
- 5 | Nor Azri Zulfakar - **Wakil Kerajaan Persekutuan**

- 6 | Dato' Haji Ja'afar Mahad - **Wakil Kerajaan Persekutuan**
- 7 | Mohd. Yazid Osman - **Wakil Berkedudukan Profesional**
- 8 | Dato' Haji Ahmad Darus - **Wakil Berkedudukan Profesional**
- 9 | Haji Rosman Hashim - **Pengurus Besar PERDA**

JADUAL 1 : Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2016

BIL	NAMA	MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PERDA TAHUN 2016								JUMLAH KEHADIRAN
		BIL. 1 22 JAN	BIL. 2 29 MAC	BIL. 2 5 APR	BIL. 3 8 JUN	BIL. 4 11 OGS	BIL. 5 5 APR	BIL. 6 29 SEPT	BIL. 7 6 DIS	
1.	DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA									7/7
2.	DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN BIN MYDIN									7/7
3.	DATUK HAJI NOR RIZAN BIN MOHD. THANI									6/7
4.	DATO' HAJI JA'AFAR BIN MAHAD									6/7
5.	NOR AZRI BIN ZULFAKAR									6/7
6.	DATO' AHMAD BIN DARUS									4/7
7.	DR. NOOR SIAH BINTI IDRIS									6/7
8.	MOHD. YAZID BIN OSMAN									5/7
9.	HAJI ROSMAN BIN HAJI HASHIM									7/7
10.	SALHAH BINTI SALLEH (AHLI GILIR)									1/1
11.	NORİYAH BINTI KANDAR (AHLI GILIR)									



HADIR



TIDAK HADIR

PENGURUSAN ATASAN



MOHD. ASRI BAHAROM
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PEMBANGUNAN)



HAJI ROSMAN HASHIM
PENGURUS BESAR



NOOR HAYATI HAJI ISHAK
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PENGURUSAN)

PENGURUS-PENGURUS BAHAGIAN



ROHAIMI OTHMAN
Pembangunan Ekonomi



ANUAR SHAHAB
Perancangan Strategik



ZOLKHIFLI MOHAMED
PERDA-TECH



SAADIN KADIR
Pembangunan Insan



ROMLI MOHAMAD
Hartanah & Teknikal



NOR RIYANA RAMLI
Kewangan



HERETI DESA
Teknologi Maklumat



MOHD.SALLEH HUSAIN
Khidmat Pengurusan

KETUA-KETUA UNIT



MOHD. HAZAHARI MD.HARIS
Pelaburan



**MUHAMMAD FAHIMI
ABU BAKAR**
Audit Dalam



YOHANA PUTEH
Undang-Undang




**MOHD. AFFENDI
MOHD.NOR**
Perhubungan Awam



**SAIDATUL IZZAT
MOHAMAD SHUKRI**
Integriti

PENGURUS BESAR



Rajah 3 : Struktur Organisasi PERDA

JAWATANKUASA AUDIT PERDA

Kecemerlangan pengurusan adalah merupakan satu komponen terpenting dalam tadbir urus sektor awam. Antara fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit PERDA adalah menjalankan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan bagi menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Tumpuan Jawatankuasa Audit PERDA adalah bagi meningkatkan integriti dan akauntabiliti pengurusan dengan mengenalpasti risiko dan memastikan sistem pengawasan dan kawalan sedia ada dapat mengelak daripada terjadi perkara-perkara yang boleh menjejaskan operasi dan reputasi Lembaga.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak tiga kali mesyuarat Jawatankuasa Audit PERDA telah diadakan. Jawatankuasa Audit mengambil maklum pindaan pembetulan yang dibuat oleh pengurusan ke atas kelemahan tadbir urus yang dibangkitkan. Laporan Jawatankuasa Audit kemudian telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA. Banyak penambahbaikan telah dicadangkan kepada pengurusan di dalam mesyuarat tersebut. Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA adalah seperti di Jadual 2 .

NAMA	KEANGGOTAAN
NOR AZRI ZULFAKAR Ahli Lembaga Pengarah (sehingga 5 Disember 2016)	Pengerusi
DATO' AHMAD DARUS Ahli Lembaga Pengarah	Ahli
DATO' HAJI JAAFAR MAHAD Ahli Lembaga Pengarah (sehingga 31 Disember 2016)	Ahli
MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR Juruaudit Dalam	Urus Setia

JADUAL 2 : Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA



[03]

INFORMASI
PERSONEL

INFORMASI PERSONEL

Informasi personel PERDA meliputi pengurusan perjawatan, pengurusan latihan anggota PERDA serta pengiktirafan dan kualiti yang dicapai oleh PERDA. Sehingga 31 Disember 2016 jumlah keseluruhan anggota kerja PERDA adalah seramai 283 orang berbanding tahun 2015 seramai 286 orang.

Pengurusan Perjawatan

PERDA telah diluluskan 254 jawatan yang terdiri daripada 8 bahagian dan 5 unit. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 252 orang iaitu 99% perjawatan waran dari pelbagai kategori skim perkhidmatan telah diisi. PERDA juga telah melantik 29 orang pegawai dan kakitangan lantikan kontrak (*Contract Of Service*) dengan sebahagian besar daripada jumlah perjawatan kontrak tersebut adalah untuk keperluan tenaga pengajar di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) untuk melatih dan mendidik sumber manusia yang profesional dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).


Perincian kedudukan perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Kumpulan / Gred	Jumlah Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi JUSA C	1	1	0
Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 54)	79	78	1
Pelaksana (Gred 29 - 40)	78	78	0
Pelaksana (Gred 19 - 26)	65	65	0
Pelaksana (Gred 1 - 16)	31	30	1
JUMLAH JAWATAN TETAP	254	252	2
JAWATAN KONTRAK	29	29	0
JUMLAH KESELURUHAN	283	281	2

JADUAL 3 : Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2016

Pengurusan Latihan

Di bawah Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia PERDA, setiap anggota PERDA perlu hadir sesi latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi pencapaian objektif kualiti seperti ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sehingga 31 Disember 2016, seramai 280 anggota telah mencapai 7 hari latihan atau lebih. Secara keseluruhannya, latihan yang telah dilaksanakan kepada anggota kerja pada tahun 2016 menepati keperluan dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam perkhidmatan. Rajah 4 berikut menunjukkan pematuhan menghadiri latihan bagi anggota kerja tetap PERDA tahun 2016.



RAJAH 4 : Pematuhan Menghadiri Latihan Anggota Kerja Tetap PERDA Tahun 2016

Pengiktirafan dan Kualiti

PERDA telah berjaya meraih sebanyak 14 pengiktirafan sepanjang tahun 2016 melalui beberapa pertandingan dan persijilan yang disertai oleh PERDA dan PERDA-TECH. Penglibatan dan pengiktirafan yang diraih oleh PERDA telah menyuntikkan lagi semangat dan komitmen berterusan PERDA untuk menjadi agensi pelaksana yang dinamik. Jadual 4 berikut menunjukkan senarai anugerah/pengiktirafan yang telah diterima oleh PERDA dalam tahun 2016.

BIL	ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN	PEMBERI ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN	TARIKH TERIMA
1.	Persijilan Semula ISO 9001: 2008 (Skop Pengurusan dan Latihan Kemahiran Golongan Sasar) Dan Pengurusan Didik Cemerlang Akademik PDCA untuk Golongan Sasar (PASUKAN AUDIT ISO PERDA)	SIRIM	Februari 2016
2.	<i>National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (i-Compex'16)</i> - Penyertaan PERDA-TECH pada 22-24 Mac 2016 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah - Meraih 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa	POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH	22 - 24 Mac 2016
3.	Pengiktirafan Pencapaian Sasaran HRMIS – 5 Bintang	JPA	Mac 2016
4.	Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan	Kementerian Pendidikan Malaysia	22 - 24 Mac 2016
5.	Pertandingan <i>International Engineering Invention and Innovation Exhibition (I-ENVEX)</i> - Penyertaan PERDA-TECH - Meraih 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa dalam pertandingan <i>International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2016 (i-Envex)</i> di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	8 - 10 April 2016
6.	Anugerah Harta Intelek Negara Peringkat Kebangsaan (Kategori Pereka Cipta Harta Intelek – <i>Outdoor Backpacker Bag</i>)	IPO	10 Mei 2016
7.	Anugerah Malaysia <i>Good Design Mark</i> 2015 - Usahawan PERDA (Bantuan <i>Packaging</i>) - Pembangunan Ekonomi - Noraini <i>Cookies Enterprise</i> Usahawan Bimbingan PERDA	MRM (Peringkat Kebangsaan)	19 Mei 2016
8.	Anugerah Terbaik Gerai, Kategori Agensi Kerajaan PenBEX (Tempat Pertama dan Ketiga)	Peringkat Negeri	4 Jun 2016
9.	<i>Eureka Innovation Exhibition</i> 2016 (PERDA-TECH) Memenangi - 2 <i>Gold Electric</i> , 2 <i>Silver</i> Pembuatan, 1 <i>Silver</i> Fesyen, 1 <i>Bronze</i> Auto, 1 <i>Bronze</i> Pertanian	UNIKL/MSI KULIM	18 Ogos 2016
10.	<i>Cisco Netrider</i> 2016 <i>Competition</i> - Tempat Pertama dan Ketiga (PERDA-TECH)	TECH MAHINDRA, MDEC CYBERJAYA	15 Sept. 2016
11.	Program Integrasi Nasional 1ICU JPM - Pertandingan Puisi dan Tarian 2016 - Penyertaan dan Anugerah Kategori Pengurus Terbaik	ICU, JPM	25 Sept. 2016
12.	Sukan ICU JPM Koprojaya 2016, INSPEN, Kajang, Selangor - Emas Acara Karom, Perak Acara Bola Sepak, Gangsa Acara Badminton, Gangsa Acara Bola Jaring - Anugerah Tempat Kedua Keseluruhan Kejohanan	ICU, JPM	6 - 9 Okt. 2016
13.	<i>National Teaching and Learning Innovation</i> 2016 (Kejuruteraan Elektrik) PERDA-TECH Menerima Pingat Emas	POLITEKNIK KOTA BHARU	4 - 6 Okt. 2016
14.	Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015 kali ke 19 Berturut-turut	Jabatan Audit Negara	8 Ogos 2016

JADUAL 4 : Pengiktirafan yang Dicapai Oleh PERDA Tahun 2016

Pengiktirafan dan Kualiti



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016



Perak Acara Bola Sepak & Tempat Kedua Keseluruhan Kejohanan



Gangsa Acara Badminton & Bola Jaring



Sukan ICU JPM Koprojaya 2016, INSPEN Kajang



Emas Acara Karom



[04]

PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus


Peruntukan Mengurus bagi Dasar Sedia Ada telah diluluskan pada tahun 2016 berjumlah RM14,802,700.00. Akan tetapi, pihak JPM telah membuat penahanan peruntukan sebanyak RM740,135.00 (5%). Susulan daripada penahanan tersebut, PERDA telah mengemukakan rayuan untuk dilepaskan penahanan tersebut berdasarkan kepada komitmen-komitmen PERDA sehingga Disember 2016. Pihak JPM telah bersetuju untuk melepaskan dan menyalurkan kembali penahanan peruntukan tersebut dan juga telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM6,500,000.00. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah peruntukan mengurus yang telah disalurkan adalah berjumlah RM21,302,700.00 dan prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Peruntukan sumber dalaman PERDA sebanyak RM23,768,100.00 telah diluluskan bagi menampung kekurangan peruntukan mengurus yang telah dijangkakan. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM1,858,874.98 (7.82%) daripada sumber dalaman yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di Jadual 5 dan perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus tahun 2015 & 2016 adalah seperti di Rajah 5.

JADUAL 5 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2016

BUTIRAN	DASAR SEDIA ADA (RM)	SUMBER DALAMAN (RM)
PERUNTUKAN ASAL DILULUSKAN	14,802,700.00	23,768,100.00
PENAHANAN	(740,135.00)	-
PERUNTUKAN DILULUSKAN (DIPINDA)	14,802,700.00	-
PERUNTUKAN TAMBAHAN	6,500,000.00	-
PERUNTUKAN DITERIMA	21,302,700.00	-
PERBELANJAAN	21,302,700.00	1,858,874.98
PERATUS PERBELANJAAN	100%	7.82%

Nota: Peruntukan sumber dalaman tidak digunakan sepenuhnya kerana telah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan pada hujung tahun.

RAJAH 5 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2015 & 2016

Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan


Di bawah *Rolling Plan* 1 RMK-11 tahun 2016, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM13,620,950.00 bagi pelaksanaan 4 projek pembangunan meliputi 3 projek/program sambungan iaitu Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran (berjumlah RM6,500,000.00), Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan lain-lain kerja berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Pulau Pinang (berjumlah RM4,184,000.00) dan Projek Pembangunan PERDA-TECH (berjumlah RM1,500,000.00) serta 1 projek baru iaitu Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, Pulau Pinang (berjumlah RM1,436,950.00).

Sehingga 31 Disember 2016, daripada jumlah yang diluluskan sebanyak RM13,620,950.00, penyaluran yang dibuat adalah sebanyak RM13,310,450.00 iaitu sejumlah RM310,500.00 peruntukan telah disekat dan bagi Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, Pulau Pinang hanya disalurkan sebanyak RM1,436,900.00. PERDA turut telah melaksanakan Notis Perubahan (Notice Of Change) yang melibatkan pindahan peruntukan berjumlah RM3,000,000.00 dari Projek Dewan Serbaguna kepada Projek Perumahan Sungai Bakap. PERDA telah membuat perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM13,310,450.00 (100.00%). Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di Jadual 6.

JADUAL 6 : Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Sehingga 31 Disember 2016

BUTIRAN	WANG SEMASA				
	PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR & LATIHAN KEMAHIRAN	PEMBANGUNAN PERDA-TECH	DEWAN SERBAGUNA	PERUMAHAN SUNGAI BAKAP	JUMLAH
Peruntukan Diluluskan	RM6,500,000.00	RM1,500,000.00	RM4,184,000.00	RM1,436,950.00	RM13,620,950.00
Peruntukan Diterima	RM6,500,000.00	RM1,500,000.00	RM873,550.00	RM4,436,900.00	RM13,310,450.00
Perbelanjaan Sebenar	RM6,500,000.00	RM1,500,000.00	RM873,550.00	RM4,436,900.00	RM13,310,450.00
Peratus Perbelanjaan	100%	100%	100%	100%	100%


PERDA turut diluluskan penggunaan sumber dalaman (Wang Hasil Terkumpul Pembangunan Sehingga Disember Tahun 2016) sebanyak RM6,871,000.00 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak RM4,466,525.13 (65.01%) telah dibelanjakan. Maklumat prestasi perbelanjaan sumber dalaman adalah seperti di Rajah 6 dan Jadual 7.

Rajah 6 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Sumber Dalaman Tahun 2015 & 2016

JADUAL 7 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sumber Dalamn Sehingga 31 Disember 2016

Bil.	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)	Baki (RM)
1	Taman Sejahtera Rakyat Tok Alang Fasa 1	601,000.00	24,010.70	4.00	576,989.30
2	Pembangunan Kilang Fasa 1D Food Park	890,000.00	525,061.01	59.00	364,938.99
3	Pembangunan Lot Industri Food Park Fasa 2	200,000.00	87,469.90	43.73	112,530.10
4	Penyelenggaraan Tanah & Premis	2,100,000.00	1,912,044.43	91.05	187,955.57
5	Akaun Akhir	70,000.00	37,221.30	53.17	32,778.70
6	Perumahan Sungai Bakap	1,700,000.00	885,623.21	52.10	814,376.79
7	Penyelenggaraan Infrastruktur PERDA-TECH	300,000.00	295,891.80	98.63	4,108.20
8	Penyelenggaraan Infrastruktur Asas	300,000.00	176,969.94	58.99	123,030.06
9	Pemasaran Hartanah	150,000.00	119,857.91	79.91	30,142.09
10	Pengurusan Kompleks PERDA Food Park	100,000.00	73,727.39	73.73	26,272.61
11	Tabung Pelajar	10,000.00	1,550.00	15.50	8,450.00
12	Kos Awalan Pelantikan Perunding & Penilaian Tanah	300,000.00	239,731.92	79.91	60,268.08
13	Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	50,000.00	49,104.22	98.21	895.78
14	Kajian Outcome	100,000.00	38,261.40	38.26	61,738.60
Jumlah		6,871,000.00	4,466,525.13	65.01	2,404,474.87

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan Wang Amanah berjumlah RM11,210,161.82 daripada lain-lain jabatan/agensi bagi pelaksanaan program & projek pembangunan. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM7,637,998.27 (68.13%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan Rajah 7 menunjukkan perbandingan perbelanjaan Wang Amanah bagi tahun 2015 & 2016 manakala prestasi perbelanjaan pembangunan Wang Amanah adalah seperti di Jadual 8.

Rajah 7 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Tahun 2015 & 2016


Bil	Projek	Peruntukan	Perbelanjaan	Prestasi	Baki
		(RM)	(RM)	(%)	(RM)
1	Skim Rangsangan Usahawan Pertengahan	1,482,003.00	477,164.09	32.2	1,004,838.91
2	Program Pembangunan Usahawan Mikro, Kecil & Pertengahan	2,247,020.80	1,139,279.06	50.7	1,107,741.74
3	Tabung Modal Pusingan Bumiputera Pulau Pinang	1,438,665.84	1,438,665.84	100	0.00
4	Program Pembangunan Usahawan Batik dan Kraftangan	174,323.30	95,283.25	54.66	79,040.05
5	Penambahbaikan Prasarana <i>Homestay</i>	7,329.34	7,329.34	100	0.00
6	Promosi Pelancongan Luar Negara	191,468.00	191,468.00	100	0.00
7	Pembangunan Produk-Produk Pelancongan Bumiputera	696,453.85	169,097.41	24.28	527,356.44
8	PenBEX	627,839.40	624,879.92	99.53	2,959.48
9	Program Didik Cemerlang Akademik	2,694,034.09	2,260,775.82	83.92	433,258.27
10	SAKTI	200,000.00	159,738.60	79.87	40,261.40
11	Program Kemahiran Tinggi Tahap 4 (PERDA-TECH)	330,000.00	87,500.00	26.52	242,500.00
12	Program Pemerksaan Belia (Pewaris Nusa)	416,024.20	305,312.00	73.39	110,712.20
13	Khemah Ibadat	150,000.00	126,504.94	84.34	23,495.06
14	Taman Sejahtera Rakyat Tok Alang Fasa 1	555,000.00	555,000.00	100.00	0.00
Jumlah		11,210,161.82	7,637,998.27	68.13	3,572,163.55

**JADUAL 8 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan
Pembangunan Wang Amanah Sehingga 31 Disember 2016**


Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun (2012-2016)

Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2012 sehingga 2016 adalah seperti di Rajah 8 dan 9. Prestasi perbelanjaan Wang Semasa Pembangunan bagi pada tahun 2012 sehingga 2016 amat memberangsangkan, walau bagaimanapun sedikit menurun pada tahun 2016. Prestasi perbelanjaan Wang Amanah pula bagi tahun 2012 agak rendah namun menunjukkan peningkatan setelah projek Perumahan PPKR Tok Alang, SPU disempurnakan.

RAJAH 8 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012 Sehingga 2016



RAJAH 9 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2012 Sehingga 2016



Perbandingan prestasi kewangan PERDA secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2012 hingga 2016 adalah seperti di Jadual 9.

JADUAL 9 : Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA Bagi Tahun 2012 Sehingga 2016

	BUTIRAN KEWANGAN	TAHUN 2012 (RM)	TAHUN 2013 (RM)	TAHUN 2014 (RM)	TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)
i	Pendapatan	42,028,794	74,088,753	96,555,767	59,899,100	43,589,931
ii	Perbelanjaan	33,261,634	58,610,760	77,171,664	51,395,567	38,267,855
iii	Lebihan / (Kurangan)	8,767,160	15,477,993	19,384,103	8,503,533	5,322,076
iv	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul	175,564,617	190,172,158	208,705,613	216,412,428	220,440,196
v	Aset Tetap	312,189,741	303,269,044	318,006,638	328,312,747	350,799,926
vi	Aset Semasa	240,820,315	369,653,787	339,556,226	311,813,529	302,382,019
vii	Tanggungan Semasa	8,785,640	8,727,324	22,360,298	19,279,484	15,879,151
Viii	Tanggungan Jangka Panjang	8,392,665	24,522,235	22,341,483	32,996,928	37,231,428
ix	Harta Bersih	544,224,416	664,195,507	635,202,566	620,846,792	637,302,794
	NISBAH CAIRAN	27.41 : 1	42.36 : 1	15.19 : 1	16.17 : 1	19.04 : 1

Analisis kecairan semasa menunjukkan PERDA mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan dengan kadar nisbah cairan pada 19.04 :1 pada tahun 2016 berbanding pada kadar 16.17 :1 pada tahun 2015, namun pada tahun 2013 peningkatan nisbah cairan iaitu 42.36 :1 disebabkan rezab (tunai/simpanan tetap) adalah tinggi hasil dari Wang Tabung Akaun Khas MPBPP.



[05]

INFRASTRUKTUR
ICT

INFRASTRUKTUR ICT

Usaha ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam antara aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun 2016 adalah:

Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

• Rangkaian (LAN – Local Area Network)

- Menghubungkan capaian antara komputer, pencetak, server dan internet di PERDA dan PERDA-TECH, menggunakan talian fiber optik (*backbone*) berkelajuan 1GB untuk menghubungkan :

- Ibu Pejabat PERDA, enam (6) tingkat
- PERDA-TECH iaitu Bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Bangunan ICT, Bengkel Teknologi Pembuatan (HEA), Bengkel Kimpalan 1 dan 2, Bengkel Elektrik, Asrama, Surau dan Kafeteria

• Talian Internet

- Terdapat 3 jenis talian *Wide Area Network* (WAN) yang telah dipasang di Ibu Pejabat PERDA dan PERDA TECH iaitu :

- METRO-E di Ibu Pejabat PERDA (15 Mbps) dan di PERDA-TECH (20Mbps) untuk kegunaan internet.
- 1GOV*NET / EG* NET di Ibu Pejabat PERDA (2Mbps) untuk internet ICU(Aplikasi *online* perdana ICU)

• Perisian

- Perisian yang disediakan untuk PERDA dan PERDA-TECH adalah seperti Jadual 10 berikut.

PERISIAN DI PERDA

- Windows XP,Vista,7/8, Linux CentOS v6 x/ v7 x, Unix AIX v5.3, Win Server v2003, v2008 R2, v2012 (Operating System)
- Citrix Xenserver 6.5 (Hypervisor virtual server)
- Kaspersky Antivirus v10 x (Antivirus)
- Microsoft Office 2007 & 2013 (Office Automation)
- Joomla v1.5 & v3.5 (Laman Web PERDA)
- MySQL v2.5 x, Microsoft SQL Server 2005, Informix v9.40 (Database)
- Visual Web Developer, Macromedia Dreamweaver, Power Builder (Programming Tools)
- Adobe Photoshop v6 x, Adobe After Effect v6 x, Proshow Producer v5.0, (Multimedia)

PERISIAN DI PERDA-TECH


- Windows XP PRO, Microsoft Office 2007
- VCNC, Mastercam
- 3DS Max 7
- Adobe After Effect 7.0
- Adobe Illustrator CS5, Adobe Photoshop CS6, Adobe Premier Pro CS6
- Anark Studio 3.5, Autodesk Maya 2011
- Macromedia Dreamweaver 8, Macromedia Flash 8
- Sonic Foundry Acid Pro

JADUAL 10 : Perisian Yang Disediakan Di PERDA dan PERDA -TECH

• Pembangunan Dan Penguken Sistem Aplikasi Sokongan

- Sehaluan dengan agenda untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui sistem-sistem aplikasi *online* dan elektronik di agensi, antaranya ialah seperti yang dipaparkan di Jadual 11.

JADUAL 11 : Sistem aplikasi online dan elektronik di PERDA

Sistem Permohonan Kemasukan PERDATECH (INTAKE)		Sistem Pengurusan Hasil PERDA (eSPHP)	
Sistem iTraining		Sistem ePDCA	
Sistem Pengurusan Projek dan Sistem Pemohonan Perumahan PERDA			
Sistem Pengurusan Geran		Sistem Tempahan Kenderaan	
Sistem Pengurusan Kenderaan		Sistem Bank Soalan Perdatech	

[06]

PERDA-TECH



PERDA-TECH

Sepanjang tahun 2016, PERDA-TECH telah menawarkan program pengajian kemahiran melibatkan 9 program peringkat sijil dan 6 program peringkat diploma, termasuk 2 program peringkat diploma yang baru ditawarkan pada sesi kemasukan Julai 2016 iaitu Diploma Teknologi Kejuruteraan (Pemesinan CNC JITU) dan Diploma Produksi Kreatif (Filem & Animasi).

Pada tahun 2016 ini juga PERDA-TECH masih meneruskan pelaksanaan Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) kepada pelajar-pelajar Bumiputera (MPBPP) seluruh Pulau Pinang lepasan PMR dan PT3. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang ini melibatkan 3 program asas kemahiran iaitu kimpalan, automotif dan jahitan.

Jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di PERDA-TECH sepanjang tahun 2016 (termasuk pelajar sijil profesional kimpalan tertinggi di bawah program *Centre Of Advanced Skills*) mengikut bidang pengajian adalah seperti Jadual 12 berikut :

JADUAL 12 : Bilangan Pelajar di PERDA-TECH mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2016

BIDANG PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Sijil Teknologi Automotif	84	1	85
Sijil Teknologi Elektrik	84	6	90
Sijil Teknologi Kimpalan	62	2	64
Sijil Kejuruteraan Pertanian	31	19	50
Sijil Senireka Fesyen	4	43	47
Sijil Rekabentuk Multimedia	30	45	75
Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan)	36	7	43
Sijil Kejuruteraan Pembuatan Rekabentuk Produk)	9	15	24
Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Acuan)	14	9	23
Diploma Kemahiran Malaysia (Kejuruteraan Kimpalan)	28	1	29
Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Automotif)	34	-	34
Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Maklumat)	20	20	40
Diploma Teknologi Kejuruteraan (Rekabentuk Produk)	19	16	35
Diploma Teknologi Kejuruteraan (Pemesinan CNC Jitu)	6	1	7
Diploma Produksi Kreatif (Filem & Animasi)	7	7	14
Program Khas SAKTI	48	28	76
Persijilan Profesional Kimpalan Tertinggi	14	-	14
JUMLAH KESELURUHAN :	530	220	750

Sebagai inisiatif untuk meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan latihan kemahiran, PERDA-TECH juga telah menjalinkan usahasama dengan pihak industri dan organisasi berkaitan. Pada 18 Februari 2016 bertempat di Dewan Taklimat, Ibu pejabat ICU JPM Putrajaya, PERDA-TECH telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Perodua Sales Sdn Bhd. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan modal insan melalui perkongsian ilmu dan teknologi dalam bidang automotif. PERDA-TECH akan menyediakan bangunan untuk dijadikan Pusat Latihan Teknikal PERODUA bagi wilayah utara dan kemudahan tempat tinggal kepada pelatih. PERODUA pula akan membekalkan mesin, peralatan dan kenderaan untuk latihan. Pusat Latihan Teknikal Perodua ini akan digunakan secara bersama antara Perodua dan PERDA-TECH.



Para pelatih sedang menunjukkan demonstrasi memasang enjin kereta



Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman antara PERDA -TECH dengan Perodua Sales Sdn.Bhd.



Perasmian Pusat Latihan Teknikal PERODUA di PERDA-TECH oleh TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang

PERDA-TECH juga telah menjadi institusi kemahiran yang pertama menerima projek 3D *Smart Maker* hasil kerjasama strategik dengan MIMOS Berhad dalam bidang teknologi pembuatan. Majlis Menandatangani MoU dan perasmian makmal 3D *Smart Maker* telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Mohd Azhar Yahaya pada 28 November 2016 bertempat di Bangunan Bengkel Jabatan Teknologi Pembuatan PERDA-TECH.

Mesin 3D *Smart Maker* ini adalah alat percetakan yang menghasilkan cetakan 3 dimensi yang digunakan untuk pembuatan objek terus atau penghasilan prototaip daripada lukisan reka bentuk di komputer yang boleh dibuat sendiri atau diimbas dari reka bentuk sedia ada. Kursus penggunaan dan pengendalian pencetak 3D ini bukan sahaja ditawarkan kepada pelajar PERDA-TECH tetapi juga kepada usahawan dalam bidang berkaitan dan juga kepada komuniti setempat serta kawasan sekitar yang berminat menjadikan bidang teknologi pembuatan ini sebagai sumber pendapatan.



Multimedia Exhibition Day



Sukan Tahunan

Program Pelancaran
Kursus Asas Perajurit Muda

Bakti Siswa

Selain daripada bidang akademik, program-program berbentuk kemasyarakatan, kepimpinan dan kerohanian juga dilaksanakan oleh PERDA-TECH. Antara program yang dilaksanakan ialah Kursus Asas Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Bakti Siswa PERDA-TECH, Khemah Ibadat, Sukan Tahunan, Seminar Kerjaya, Program Keselamatan, Kelas Pengajian Agama dan Taklimat & Motivasi Peperiksaan. Program-program ini bertujuan untuk mengimbangi pengajian kemahiran dan akademik yang diikuti sepanjang tempoh pengajian. Objektifnya untuk meningkatkan nilai-nilai murni terhadap setiap pelajar dengan pelbagai aktiviti sosial berteraskan jati diri, kerohanian, semangat kerjasama, kesukanan dan kemasyarakatan. Melalui program-program ini pelajar-pelajar lulusan PERDA-TECH terus diterima oleh industri dan masyarakat untuk berkhidmat kepada negara berdasarkan kepada kekuatan ilmu kemahiran yang diimbangi dengan ciri-ciri nilai murni yang diterapkan dalam tempoh pengajian mereka.

Majlis Konvokesyen PERDA-TECH yang ke 8 telah diadakan di Dewan Utama PERDA-TECH. Majlis pada 5 November 2016 ini telah diadakan sebanyak 2 sidang. Seramai 379 graduan telah dianugerahkan diploma dan sijil pada majlis kali ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh Datuk Haji Shabudin Haji Yahaya, Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang pada sidang pagi manakala pada sidang petang dirasmikan oleh Tan Sri Othman Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri. Pada Majlis Konvokesyen kali ke 8 ini juga, Cokmar PERDA-TECH telah diperkenalkan. Ia melambangkan keazaman institusi ini dalam melahirkan insan berkemahiran yang cemerlang dari peringkat akar umbi selaras dengan kehendak perkembangan industri negara bertunjangkan pegangan islam serta berteraskan rukun islam dan rukun iman. Motif awan larat yang diukir pada tapak cokmar adalah menifestasi tanggungjawab institusi ini dalam usaha untuk mencungkil bakat serta potensi para pelajar.

Pada tahun 2016 ini juga, PERDA-TECH telah menyertai beberapa pertandingan inovasi di seluruh Malaysia dan mencapai beberapa kejayaan yang cukup membanggakan seperti berikut:

I-COMPEX'16 - Meraih 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa

(National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (i-Complex'16) di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

I-ENVEX 2016 - Meraih 2 Pingat Perak dan 1 Pingat Gangsa

International Engineering Invention and Innovation Exhibition(I-ENVEX) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

EUREKA INNOVATION EXHIBITION 2016 (EIE) - UniKL MALAYSIA SPANISH INSTITUTE (INTERNASIONAL) -

Meraih 2 Emas, 3 Perak, 2 Gangsa

di Universiti Kuala-Lumpur Malaysia Spanish Institute (UniKL MSI)-Kulim Hi-Tech Park

National Teaching & Learning Innovation Competition 2016 – Anugerah Emas

di Politeknik Kota Bharu, Kelantan

Anugerah Harta Intelekt Negara Peringkat Kebangsaan -

Meraih anugerah Harta Intelekt (Kategori Pereka Cipta Harta Intelekt - Outdoor Backpacker Bag)

[07]

PEMBANGUNAN HARTANAH



PEMBANGUNAN HARTANAH

Seiring dengan objektif PERDA iaitu membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastuktur di Pulau Pinang, PERDA telah mengenalpasti beberapa projek hartanah yang telah dirancang, dibina dinaiktaraf dan disiapkan di sepanjang tahun 2016. Projek yang dijalankan secara berterusan ini telah memberikan impak pertumbuhan pembangunan hartanah dan kesan kepentingan khususnya dari segi pemilikan aset kepada penduduk di negeri Pulau Pinang.

Projek Pembangunan Yang Telah Siap

I. Kerja Tanah Projek Pembangunan Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor SPU


Projek ini telah siap dilaksanakan pada tahun 2016. Kerja tanah ini siap 100% melibatkan kos sebanyak RM840,558.80. Projek ini yang diselia oleh JKR mempunyai 2 Fasa iaitu kerja tanah dan bangunan. Fasa seterusnya akan bermula pada tahun 2017.



Tapak Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU

II. Kerja Penyelenggaraan di PERDA TECH

Sepanjang tahun 2016, beberapa projek penyelenggaraan dan menyediakan kemudahan kelengkapan kemudahan pembelajaran telah disiapkan dengan peruntukan sebanyak RM 1,500,000.00 untuk para pelajar dan tenaga pengajar menjalankan latihan. Berikut adalah kerja-kerja yang telah dilakukan di PERDA TECH sepanjang tahun 2016 :



Bengkel Fesyen yang telah dinaik taraf

- Kemudahan kelengkapan di PERDA-TECH
- Kerja-kerja menaiktaraf Bengkel Elektrik kepada Bengkel Fesyen.
- Membekal, memasang, menghantar, mengujilari & menyelenggara *forklift*
- Membekal/memasang talian telefon ke Bengkel Elektrik dan Kimpalan
- Memasang sistem *Fume Extraction* di Bengkel Kimpalan
- Menaiktaraf Bengkel Kimpalan kepada Bengkel Pertanian
- Menaiktaraf Bengkel Kimpalan sedia ada kepada Pusat Latihan Automotif
- Membina Bangunan Latihan Amali Kursus Elektrik dan Stor Kursus Kimpalan
- Membekal dan memasang bidai di Bengkel Elektrik dan Bengkel Kimpalan

Projek Pembangunan Dalam Pembinaan

I. Projek Pembangunan Bercampur Sungai Bakap, SPS (Fasa 1)

Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 1 ini sedang dilaksanakan dengan prestasi pelaksanaan kerja di tapak sehingga 31.12.2016 adalah sebanyak 61%. Projek ini akan disiapkan pada tahun 2017. Jumlah kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM 30,093,449.52.



Projek Pembangunan Dalam Perancangan

I. Kerja Bangunan Projek Pembangunan Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU

Projek pembinaan dewan ini apabila disiapkan dijangka akan dapat menampung kapasiti 1300 orang pengguna. Antara kemudahan yang terdapat pada dewan ini adalah pentas, bilik VIP, bilik sindiket, tandas, surau, bilik persalinan dan tempat letak kenderaan. Kerja bangunan dijangka bermula pada tahun 2017.





[08]

PEMBANGUNAN EKONOMI

PEMBANGUNAN EKONOMI

Pembangunan Usahawan Mikro, Kecil Dan Pertengahan

Pertumbuhan negara perlu dipacu oleh aktiviti pengeluaran dan perniagaan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Dalam usaha untuk menyokong PKS yang dipelopori oleh usahawan-usahawan bumiputera, PERDA telah menumpukan kepada usaha-usaha pembangunan modal insan, pemberian geran bantuan pembungkusan dan aktiviti pameran di dalam negara.

Dari sudut pembangunan modal insan usahawan, golongan ini diberi penekanan dari sudut pengukuhan ilmu. PERDA percaya bahawa melalui pengukuhan ilmu akan dapat menjadikan usahawan lebih bijak dan berinovatif di dalam merancang, mengatur hala tuju dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka. Kursus dan latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh PERDA, adalah seperti di Jadual 13 berikut:-

JADUAL 13 :
Aktiviti –Aktiviti Kursus & Latihan Keusahawanan Tahun 2016

BIL.	PERKARA	JUMLAH PESERTA
1.	Program Bimbingan & Mentor Perniagaan Siri 1	26
2.	Program Bimbingan & Mentor Perniagaan Siri 2	25
3.	Kursus <i>Smart Finance</i> Siri 1	30
4.	Program Bimbingan & Mentor Perniagaan Siri 3	27
5.	Kursus <i>Smart Finance</i> Siri 2	30
6.	Kursus Penyediaan Makanan Bersih & Halal	30
7.	<i>Business Design Workshop</i>	39
8.	Taklimat <i>Business Online</i>	42
9.	Bengkel Pemasaran Atas Talian	20
10.	Kursus Perakaunan Syarikat	45
11.	<i>Talk & Profiling Session For Start Up Business</i>	36
	JUMLAH	350



Aktiviti kursus/bengkel untuk para usahawan



PERDA juga turut menyertai beberapa karnival dan pameran di dalam negara. Usaha ini dilakukan bagi memperkenalkan produk dan memperluas pasaran usahawan ke negeri-negeri lain. Antara aktiviti pameran produk usahawan bumiputera ialah seperti di Jadual 14 berikut:-

JADUAL 14 :
Aktiviti-Aktiviti Pameran Produk Usahawan Tahun 2016

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	BIL. SYARIKAT
1.	Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2016	30 Mac – 2 April 2016	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	12
2.	Bazaar Ramadhan	18 Jun – 3 Julai 2016	Midtown Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2
3.	Karnival Keusahawanan Halal Peringkat Kebangsaan 2016	9 – 16 November 2016	Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah	6
4.	Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA) 2016	1 – 11 Disember 2016	Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor	8
JUMLAH				28



Dalam usaha membantu golongan usahawan memasarkan produk-produk mereka, PERDA juga turut memberikan geran bantuan pembungkusan kepada beberapa syarikat usahawan kecil/mikro. Usaha ini dilakukan bagi menambah baik kualiti pembungkusan syarikat-syarikat kecil ini melalui pembangunan jenama, perletakan kod jalur dan fakta pemakanan. Reka bentuk pembungkusan turut ditambah baik bagi meningkatkan daya tarikan terhadap produk. Sebanyak 15 syarikat telah menerima bantuan pembungkusan bagi tahun 2016.



Ekspo Usahawan Bumiputera (PenBEX) 2016

PenBEX 2016 merupakan salah satu acara tahunan di bawah naungan Majlis Pembangunan Bumiputera Negeri Pulau Pinang (MPBPP), dikendalikan melalui Jawatankuasa *Focus Group* Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bumiputera Pulau Pinang dan diuruskan pelaksanaannya oleh PERDA. Penganjuran PenBEX 2016 dilaksanakan serentak bersama-sama Majlis Sambutan 50 Tahun MARA dan Minggu PKS Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016.

PenBEX 2016 yang bertemakan “ Mula Berdikit, Azam Melangit, Usahawan Global Menjadi Realiti” telah dilaksanakan pada 28 Mei hingga 4 Jun 2016 bertempat di Dataran Transformasi Usahawan, Pusat Perniagaan Midtown, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Sesuai dengan tujuan utama pelaksanaannya sebagai platform berpusat kepada usahawan Bumiputera bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk keluaran mereka, seramai 350 buah syarikat telah menyertai PenBEX 2016. Nilai jualan tunai yang direkodkan adalah sebanyak 1.57 juta dengan jumlah pengunjung seramai 100,000 orang.



Antara aktiviti- aktiviti yang terdapat di PenBEX 2016

Penambahbaikan Prasarana Homestay

Program Pembangunan *Homestay* di Pulau Pinang mendapat tumpuan dan sokongan dari Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang dan telah ditetapkan sebagai satu inisiatif strategik di bawah Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. PERDA telah diamanahkan sebagai peneraju dalam membangunkan industri inap desa yang diusahakan oleh 153 pengusaha di 9 lokasi di seluruh Pulau Pinang. Program ini telah membantu meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha *homestay* serta berjaya menarik pelancong ke negeri ini.

Pada tahun 2015, kerja-kerja penambahbaikan prasarana *homestay* telah dilaksanakan seperti pemasangan pendingin hawa, pemanas air mandian dan kerja-kerja pembaikan kecil. Seterusnya pada tahun 2016, kerja-kerja penambahbaikan ini diteruskan lagi dengan penumpuan kepada penambahbaikan kepada keperluan fizikal aktiviti pakej pelancongan setiap *homestay*. Usaha ini adalah bagi memastikan sebanyak 27 pakej pelancongan standard dan 6 pakej pelancongan *Inno Homestay Trip* yang telah dibangunkan dapat menarik kunjungan pelancong ke *homestay* Pulau Pinang.

Pembangunan Produk-produk Pelancongan Bumiputera

Pembangunan produk pelancongan bumiputera adalah merupakan sebagai satu usahawan kearah meningkatkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing. Antara objektif program ini dilaksanakan adalah untuk mencipta produk unik dan mewujudkan identiti daerah melalui produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai ekonomi untuk meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Program yang dibangunkan ini adalah Pembangunan Pusat Mandian Wap Herba Tradisional dan Projek Pertanian *Hybrid*. Program yang dilaksanakan secara komuniti setempat ini juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Pembangunan pusat mandian wap herba tradisional dan pertanian *hybrid* juga akan menjadi nilai tambah baru bagi pakej-pakej pelancongan *homestay* yang telah dibangunkan agar lebih menarik kunjungan pelancong ke *homestay* di Pulau Pinang.

Projek ini dilaksanakan di sepuluh perkampungan *homestay* iaitu :

i. Projek Mandian Wap Herba

- Mengkuang Titi, SPT
- Sungai Chenaam, SPS
- Sungai Setar, SPS
- Sungai Duri, SPS

ii. Projek Pertanian Hybrid

- Kota Aur, SPU
- Lahar Yooi, SPU
- Sungai Semilang, SPT
- Pulau Betong, DBD
- Pulau Aman, SPS
- Teluk Bahang, DBD

Pada tahun 2016, projek pusat mandian wap herba telah siap dilaksanakan sebanyak 3 unit iaitu Sungai Chenaam, Sungai Duri dan Sungai Setar. Komponen pelaksanaan ini melibatkan pembekalan peralatan dan kelengkapan, bahan mentah produk kesihatan, kursus kemahiran terapis, pengurusan kewangan serta program promosi.



Pelancongan *Agrotourism* Tasek Gelugor

Program Pelancongan *Agrotourism* Tasek Gelugor adalah merupakan produk pelancongan baru yang mempunyai nilai komersial dan juga mempunyai keunikan dan daya tarikan yang tersendiri yang dapat menjadi pelengkap kepada pakej produk pelancongan di bawah program *homestay* Pulau Pinang. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi setempat khususnya aktiviti nelayan, pihak kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan ameniti infrastruktur di kawasan sungai yang mempunyai jeti pendaratan ikan, restoran dan kedai. Di samping itu, kemudahan infrastruktur rekreasi di kawasan hutan pelajaran Air Itam Dalam turut digabungkan sebagai pusat kegiatan eko-pelancongan.

Projek secara keseluruhannya diuruskan oleh 3 buah koperasi yang ditubuhkan iaitu Koperasi Nelayan Sungai Lebu Banting Berhad, Koperasi Nelayan Sungai Air Itam Dalam Berhad dan Koperasi Nelayan Sungai Pengkalan Machang Berhad dengan kerjasama penduduk setempat dan agensi kerajaan. Pada 20 November 2016, Ekspo Pelancongan dan Koperasi Tourism Tasek Gelugor telah diadakan dan dirasmikan oleh Pengerusi PERDA di Jeti Pengkalan Machang Tasek Gelugor.



SHABUDIN YAHAYA (tiga dari kiri) memotong udang galah selepas merasmikan Ekspo Pelancongan Koperasi Agrotourism Parlimen Tasek Gelugor di Pengkalan Machang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, baru-baru ini. --UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM



The background image shows a young plant with several leaves growing out of a stack of coins. The coins are arranged in a way that they look like a small structure or a path. The plant is green and has a few leaves. The coins are metallic and have some texture. The ground is covered with dark mulch. On the left side, there is a large red geometric shape, possibly a stylized letter 'A' or a triangle, which is partially transparent and overlaps the text and the image.

[09]

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PROGRAM KECEMERLANGAN AKADEMIK

PERDA telah melaksanakan Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) 2016 yang mana bertujuan untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan akademik dikalangan pelajar-pelajar bumiputera di negeri Pulau Pinang. Program ini berjalan lancar dengan kerjasama melalui strategi lautan biru kebangsaan yang melibatkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPNPP). Pelbagai program dan aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan sepanjang tahun 2016. Peruntukan yang digunakan untuk pelaksanaan PDCA 2016 adalah berjumlah RM 7.57 Juta yang telah diselaraskan kepada tiga (3) agensi iaitu PERDA, BPPB dan ZPP seperti berikut iaitu, sebanyak RM2.17 Juta (PERDA), RM 3.6 Juta (BPPBPP) dan RM1.8 Juta (ZPP). PERDA telah membelanjakan keseluruhan RM2.17 Juta bagi pelaksanaan keseluruhan program dengan melibatkan jumlah penyertaan seramai 12, 990 orang pelajar dan guru.

Bagi tahun 2016, pelbagai program telah berjaya dilaksanakan oleh PERDA, antaranya Program SMART (Seminar Pelajar Terbilang) UPSR, PT3 dan SPM, Pecutan Akhir SPM, Program *Grip the Math & Science* UPSR, *English Camp* UPSR, ZIPP 'A' PT3, *Excellence in Math & Science* SPM dan Pre-MUET STPM. Seramai 12, 463 orang pelajar dari 71 buah sekolah telah mengikuti semua program ini. Program yang dirancang dan dilaksanakan oleh PERDA lebih tertumpu kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM pada tahun 2016. Aktiviti program keseluruhan adalah seperti di Jadual 15.



Program PDCA UPSR



Program PDCA PT3



Program PDCA SPM

JADUAL 15 : Aktiviti-aktiviti Program MPDCA Tahun 2016

AKTIVITI PROGRAM	PESERTA	BIL PESERTA
PROGRAM SMART UPSR SIRI 1/2016	PELAJAR UPSR	778
PROGRAM SMART PT3 & SPM 2016	PELAJAR PT3 & SPM	925
PROGRAM SMART UPSR SIRI 2/2016	PELAJAR UPSR	1,226
PROGRAM SMART UPSR SIRI 3/2016	PELAJAR UPSR	1,371
BENGKEL BINA BAHAN PROGRAM MPDCA	JURULATIH UTAMA	87
PROGRAM ENGLISH CAMP YEAR 6 SIRI 1-3	PELAJAR UPS	458
TAKLIMAT GURU PENYELARAS 2016	GURU PENYELARAS	65
PROGRAM GRIM YEAR 6 SIRI 1	PELAJAR UPSR	455
PROGRAM GRIM YEAR 6 SIRI 2	PELAJAR UPSR	153
PROGRAM ECIMS SAINS SPM SIRI 1	PELAJAR SPM	128
PROGRAM ECIMS MATH SPM SIRI 1	PELAJAR SPM	130
PROGRAM ZIPP 'A' PT3 ENGLISH SIRI 1	PELAJAR PT3	150
PROGRAM ZIPP 'A' PT3 SAINS SIRI 1	PELAJAR PT3	150
GRIS (GRIP THE SCIENCE) YEAR 6 SIRI 1	PELAJAR UPSR	152
PROGRAM ZIPP 'A' PT3 MATEMATIK SIRI 1	PELAJAR PT3	150
PROGRAM PRE - MUET STPM	PELAJAR STPM	91
PROGRAM ECIMS SAINS SIRI 2	PELAJAR SPM	146
PROGRAM ENGLISH WORKSHOP SPM SIRI 1 & 2	PELAJAR SPM	301
PROGRAM ECIMS MATH SPM SIRI 2	PELAJAR SPM	150
PROGRAM ZIPP 'A' PT3 ENGLISH SIRI 2	PELAJAR PT3	150
PECUTAN AKHIR BERITA HARIAN (MATEMATIK TAMBAHAN)	PELAJAR SPM	226
PECUTAN AKHIR BERITA HARIAN (FIZIK)	PELAJAR SPM	209
PECUTAN AKHIR BERITA HARIAN (KIMIA)	PELAJAR SPM	204
MAJLIS ANUGERAH MPDCA 2015 & PELANCARAN MUTIARA MPDCA 2017	PENYELARAS/GURU	363
JUMLAH KESELURUHAN		8,218

PROGRAM PEMANTAPAN SAHSIAH BELIA

Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang melalui Focus Group Pembangunan Belia, Wanita dan Kesejahteraan Rakyat telah memberi tanggungjawab kepada PERDA untuk melaksanakan Program Pemantapan Sahsiah Belia bagi tahun 2016. Program Pemantapan Sahsiah Belia ini berbentuk kursus yang memberikan tumpuan kepada belia Pulau Pinang untuk;

- Mendedahkan peserta dengan ilmu asas berceramah atau menyampaikan tazkirah.
- Melatih peserta secara praktikal dan teori persediaan menjadi imam.
- Melatih peserta bacaan wirid selepas solat dan zikir ringkas.
- Mendedahkan peserta dengan pengurusan jenazah dan tatacara solat jenazah.
- Konsep halal dan cabaran globalisasi dunia Islam.

Program Pemantapan Sahsiah Belia ini berpaksikan kepada pembangunan minda seseorang pemimpin muda berteraskan kepada nilai kerohanian. Ianya membentuk dan melatih peserta dengan nilai pelaksanaan ibadah seharian yang terangkum dalam fardhu ain dan kifayah. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 5 siri aktiviti telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM126,504.94. Sebanyak 155 orang peserta telah mendapat faedah dari program ini.

Peserta-peserta menunjukkan peningkatan sikap positif di mana mereka melakukan program susulan seperti berkumpul kembali dengan peserta-peserta program untuk mengadakan program membersihkan masjid, mengunjungi rumah orang-orang tua sambil berbakti, riadah dan sebagainya.



Aktiviti program pemantapan Sahsiah Belia



PROGRAM PEMERKASAAN BELIA

Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang melalui Focus Group Pembangunan Belia, Wanita dan Kesejahteraan Rakyat telah memberi tanggungjawab kepada PERDA untuk melaksanakan Program Pemerksaan Belia bagi tahun 2016. Program Pemerksaan Belia ini berbentuk kursus yang memberikan tumpuan kepada lepasan sekolah dan pemimpin belia Pulau Pinang untuk;

- Melahirkan belia yang berjiwa patriotik yang tinggi.
- Membina personaliti belia yang berkarisma, mantap dari segi kepimpinan, personaliti dan komunikasi berkesan.
- Melahirkan belia yang mempunyai jati diri yang kukuh.
- Melahirkan belia yang taat setia kepada agama, bangsa, negara dan raja.

Program Pemerksaan Belia ini meningkatkan semangat patriotik dan sahsiah diri dengan pengisian program merangkumi sejarah negara, kuliah agama, suntikan motivasi dan ujian ketahanan diri. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 8 aktiviti telah dilaksanakan dengan kos RM298,448.69 melibatkan 534 orang peserta.

Peserta-peserta menunjukkan peningkatan sikap positif di mana mereka melakukan program susulan seperti berkumpul kembali dengan peserta-peserta program dengan mengadakan program-program kemasyarakatan, riadah dan sebagainya. Peserta-peserta juga menghidupkan kembali persatuan-persatuan belia yang sedia ada dengan bimbingan fasilitator-fasilitator program.



Aktiviti program pemerksaan Belia



SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)

Kerajaan amat prihatin dan tidak pernah meminggirkan golongan miskin, justeru melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) pelbagai program/aktiviti dirangka bagi membantu golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan. PERDA merupakan agensi pelaksana persekutuan di Pulau Pinang yang diamanahkan untuk merealisasikan pelaksanaan program/aktiviti yang dirancang. Masih terdapat 2,706 keluarga miskin di Pulau Pinang dengan 378 dari keluarga tersebut adalah dalam kategori miskin tegar. Tahap pendapatan isi rumah bumiputera Pulau Pinang majoritinya berada di bawah RM2,500 sebulan (82%) dan 32% daripadanya berpendapatan kurang daripada RM 1,000 sebulan.

Kekangan peruntukan tidak menghalang aktiviti program SPKR dilaksanakan memandangkan ianya tanggungjawab sosial yang penting. Sepanjang tahun 2016, PERDA memfokuskan kepada Program Pembangunan Ekonomi SPKR yang melibatkan seramai 81 orang peserta terdiri daripada ibu tunggal dan keluarga yang ramai tanggungan serta berpendapatan rendah. Program ini merupakan program bantuan mesin dan peralatan bernilai RM5,000 bagi setiap peserta berdasarkan keperluan perniagaan yang diusahakan.



Program Ihya Ramadan 2016



Program Bantuan Ekonomi Kecil 2016



Di samping itu, PERDA juga telah melaksanakan Bengkel Pemantapan Peningkatan Pendapatan dan Kursus Asas Perniagaan yang merupakan kesinambungan kepada usaha meningkatkan perniagaan serta program-program lain melibatkan ahli keluarga peserta. Senarai program dan aktiviti adalah seperti di Jadual 16.

JADUAL 16 : Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tahun 2016

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1	Program Pembangunan Ekonomi SPKR	71
2	Bengkel Pemantapan Peningkatan Pendapatan	53
3	Kursus Asas Perancangan Perniagaan, Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi & Kursus Perakaunan	174
4	Program Ihya Ramadhan, Korban dan Jom Pi Bantu	800
5	Program Modal Insan-Keibubapaan (Mutiara Kasih) (9 siri)	671
6	Program Belia Celik Niaga di bawah Kesejahteraan Masyarakat	40
JUMLAH		1,809



Program Belia Celik Niaga di bawah Kesejahteraan Masyarakat



Program Keibubapaan Mutiara Kasih

[10]

ANAK SYARIKAT

ANAK SYARIKAT

- PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD. (PVISB)

PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) adalah sebuah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang ditubuhkan pada tahun 2007. Tujuan utama penubuhan PVI adalah sebagai jentera pelaksana '*implementing arm*' kepada PERDA dalam pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai komersial.

Ahli Lembaga Pengarah PVISB adalah terdiri daripada wakil PERDA dan wakil profesional yang dilantik berdasarkan kepakaran dan latar belakang masing-masing. Senarai ahli lembaga pengarah bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :

LEMBAGA PENGARAH PVISB



**Cik Norhafizah
Othman**
Ahli Lembaga Pengarah

**Datuk Mohd Noor
Ahmad**
Ahli Lembaga Pengarah

**Tuan Haji Omar
Haji Abdul Hamid**
Timbalan Pengerusi

**Datuk Shabudin
Yahya**
Pengerusi

**Dato' Seri Ab. Ghani
Ariffin**
Ahli Lembaga Pengarah

**Tuan Hj. Rosman
Hashim**
Ahli Lembaga Pengarah

PVISB telah melaksanakan beberapa projek pembangunan hartanah secara usahasama dengan syarikat-syarikat yang berpotensi, selain turut menjalankan perniagaan dalam bidang penternakan, pemasaran, projek pertanian berskala besar, perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan serta dipertanggungjawabkan menguruskan Pusat Perniagaan *Midtown* PERDA.

Operasi PVISB pada masa ini terbahagi kepada empat (4) aktiviti utama iaitu :

- Projek Usahasama & Pelaburan Hartanah
- *Agro Industry*
- Pusat Perniagaan *Midtown* PERDA
- Pembersihan & Penyelenggaraan

Sepanjang tahun 2016, sejumlah RM650 juta nilai pelaburan telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai.

Projek Usahasama & Pelaburan Hartanah

PVISB telah terlibat dalam pelaksanaan beberapa projek pembangunan perumahan, perindustrian serta turut terlibat dalam pembangunan hotel.

Projek-projek yang dibangunkan oleh PVISB adalah seperti Jadual 17 berikut:

NAMA PROJEK PEMBANGUNAN BERCAMPUR	KELUASAN
Taman PERDA Indah di Sebahagian Lot 711 Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU, Pulau Pinang	117.37 ekar
Taman Desa Ara di Atas Lot 361-369, 1206, 1217 dan 1218, Tok Alang, Tasek Gelugor, SPU, Pulau Pinang	68.27 ekar
Pembangunan Di Atas Lot PT 105, Mukim 2, Teluk Bahang, DBD, Pulau Pinang	15.275 ekar
Pembangunan Bercampur Di Lot 289, 290, 291, 752, 768, 769, 770, 1050 dan 1144, Mukim 11, Sungai Batu, DBD, Pulau Pinang	43.70 ekar
Di Atas Lot 2587, Mukim 8, Lot 421 Dan Lot 2694, Mukim 6, Pongsu Seribu, SPU, Pulau Pinang	356.16 ekar
Taman Desa Ara Permai di Sebahagian Lot 1762 Dan Sebahagian Lot 1769, Mukim 13 SPU, Pulau Pinang (Tok Alang)	100.50 ekar
Pembangunan Bercampur Di atas lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU, Pulau Pinang	41.68 ekar
Projek Pembangunan Perda <i>Valley</i> di Atas Lot 5687, Jalan Kubang Menderong, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU, Pulau Pinang	220 ekar
Projek Pembangunan Ara Kuda di Atas Lot 1640, Mukim 13, SPU, Pulau Pinang	174 ekar
Projek Pembangunan Bercampur Di Atas Lot PT 4836, Mukim 16, Sungai Dua, SPU, Pulau Pinang	5.65 ekar
Cadangan Pembinaan Kompleks Rakyat Jalan Berlian Di Atas Lot 2396, 2397 dan 2398, Mukim 9, Teluk Air Tawar, SPU, Pulau Pinang	2.29 ekar
Cadangan Projek Rumah Mampu Milik Di Atas Lot 2480, 2770, 2771, 2772, 2773, 2776 & 2777, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU, P.Pinang	45.46 ekar

Jadual 17 : Senarai Projek Pembangunan PVISB

Pada tahun 2016, PVISB telah menyiapkan 1 projek pembangunan iaitu Taman Desa Ara di Lot 361-369, 1206, 1217 dan 1218, Tok Alang, 13300 Tasek Gelugor Pulau Pinang. Komponen pembangunan adalah seperti Jadual 18 berikut:

KOMPONEN PEMBANGUNAN	BIL. UNIT
FASA 1 A :	
Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis A)	121
Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis B)	71
Rumah Berkembar 1 Tingkat	32
Kedai Pejabat 2 Tingkat	15
FASA 1 B :	
Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis C)	10
Kedai Pejabat 2 Tingkat	19
Rumah Cluster Kos Rendah 2 Tingkat	172

JADUAL 18 : Komponen Pembangunan Taman Desa Ara




Projek Pembangunan Taman Desa Ara

PVISB dan rakan usahasama yang dilantik sedang giat melaksanakan 1 projek pembangunan. Komponen pembangunan projek Teluk Bahang dan prestasi pelaksanaan adalah seperti di Jadual 19 dan Rajah 10 berikut:

JADUAL 19 : Komponen Pembangunan Projek Teluk Bahang

KOMPONEN PEMBANGUNAN	BIL. UNIT
Hotel 13 Tingkat (160 Bilik)	1
Apartment Kos Rendah 10 Tingkat	100
Kondominium	213

Rajah 10 : Prestasi Pelaksanaan Projek Teluk Bahang sehingga 31 Disember 2016



Kemajuan Pembangunan di Tapak Projek Teluk Bahang

AGRO INDUSTRY

PERDA Veggie Park

Projek PERDA *Veggie Park* ini meliputi kawasan seluas 300 ekar di Mukim 13, Tok Alang, Seberang Perai Utara yang telah diserahkan kepada PVISB oleh PERDA untuk disewakan kepada pekebun-pekebun setempat.

Objektif utama projek ini adalah untuk membantu serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan miskin serta penduduk sekitar kawasan Tok Alang, Seberang Perai Utara. Sebanyak 17 pengusaha yang terlibat dengan tanaman kontan seperti betik, bendi, nanas, markisa dan jagung. Senarai pengusaha PERDA *Veggie Park* adalah seperti di Jadual 20 berikut.

Jadual 20 : Senarai Pengusaha PERDA Veggie Park

BIL.	PENGUSAHA	KELUASAN
1.	Koperasi Petani Pulau Pinang Bhd	50 ekar
2.	Cemara Agro Sdn. Bhd.	50 ekar
3.	Green Life Farming	50 ekar
4.	Pekebun-pekebun kecil	150 ekar
Jumlah Keluasan		300 ekar




Projek Ternakan Kambing Komersial (PTKK)

Lokasi projek adalah di Mukim 12, Kubang Menerong, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan keluasan 50 ekar. Projek ini bertujuan untuk menjadi peneraju utama industri ternakan kambing wilayah utara dengan bermatlamat untuk membangunkan industri ternakan kambing yang diiktiraf bagi menghasilkan baka dan daging yang berkualiti dengan harga yang kompetitif untuk menyumbang kepada keperluan negara.

Selain itu, penternakan ayam piru dan lembu juga bertujuan sebagai projek sampingan selain ternakan kambing untuk meningkatkan hasil jualan PTKK di samping menjadi ladang contoh dalam penghasilan kepelbagaian produk di pasaran.

Projek ini akan memainkan peranan seperti berikut :

- Menjadi ladang ternakan kambing terunggul dalam pembakaan dan pembiakan kambing kacukan 'Bertam Boer'.
- Menjadi pembekal utama baka kambing kacukan 'Bertam Boer' bermutu tinggi kepada penternak-penternak kambing di Pulau Pinang.
- Menjadi pembekal utama daging kambing berkualiti tinggi di kawasan utara.
- Menjadi ladang contoh dalam kaedah penternakan kambing secara intensif yang moden dan mengamalkan sistem penternakan yang baik.
- Menternak ayam piru dan lembu sebagai projek sampingan selain ternakan kambing untuk meningkatkan hasil jualan.
- Menjadi ladang contoh dalam menghasilkan kepelbagaian produk di pasaran.
- Meningkatkan prestasi penjualan PTKK bagi mencapai tahap keuntungan yang maksimum.
- Mengembangkan dan memperkenalkan aktiviti syarikat ke seluruh kawasan utara.
- Menarik minat orang ramai dengan menyediakan pelbagai hasil jualan.



Pengurusan *Midtown*

Projek Pemajuan Pusat Perniagaan *Midtown* PERDA dimulakan pada November 2012 dengan kos pembinaannya sebanyak RM9 juta. Lokasi projek adalah terletak di Lot PT 711, Mukim 12, Jalan Kubang Menerung, 13300 Tasek Gelugor. Projek ini bertujuan untuk menyediakan premis perniagaan usahawan yang kondusif. Selain itu, projek ini dijadikan sebagai sumber dana bagi menjana pendapatan kepada PERDA.

Objektif pelaksanaan projek ini adalah :

- Menyediakan ruang niaga untuk dikomersilkan oleh peniaga-peniaga yang berpotensi.
- Mengenalpasti konsep perniagaan yang bersesuaian untuk menarik tumpuan penduduk sekitar khususnya dan kawasan utara amnya akan kewujudan *Midtown* PERDA.
- Sebagai satu cabang dalam membantu peniaga memasarkan produk.
- Meningkatkan pendapatan syarikat.
- Membina satu jenama baru dalam pasaran dengan adanya kemudahan ruang niaga yang lengkap.

Kekerapan Penyewaan ruang *Midtown* bagi tahun 2016 adalah seperti Jadual 21 berikut :

Jadual 21 : Kekerapan penyewaan ruang *Midtown* bagi tahun 2016

Tempat	Aktiviti	Kekerapan	Hari
Dewan Dahlia	Kenduri/ Seminar/Ekspo	12	19
Dewan Rafflesia	Kenduri/ Seminar/Ekspo	28	40
Bilik Lily/ Cempaka	Seminar/ Ekspo	23	47
Bilik Teratai/ Kekwa	Seminar	1	1
Mawar/Melur /Melati	Latihan/ Seminar	12	36
Bilik Mesyuarat	Mesyuarat	8	14
Dataran Terbuka	Pasar Ahad/ Ekspo/Bazaar	44	69
Jumlah		105	256



Kursus untuk
murid-murid sekolah



Majlis Pelancaran Bulan
Kemerdekaan Bahagian Tasek Gelugor



Majlis Kahwin



PenBEX

Perkhidmatan Pembersihan dan Penyelenggaraan

PVISB telah mewujudkan satu lagi cabang operasi iaitu menyediakan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Ini menunjukkan inisiatif PVISB berusaha kearah melebarkan operasi untuk menambahkan lagi pendapatan syarikat tidak tertumpu kepada projek pembangunan sahaja.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- Menyediakan perkhidmatan pembersihan terperinci secara harian, bulanan atau tahunan yang merangkumi pembersihan lantai, karpet, tandas dan sebagainya.
- Perkhidmatan pembersihan dari rumah ke rumah.
- Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan seperti peralatan rosak, kawalan serangga, bangunan kompleks perniagaan dan gerai.



Kekerapan tempahan pembersihan dan penyelenggaraan bagi tahun 2016 ditunjukkan seperti di Jadual 22.

TEMPAHAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Rumah Kediaman	6	9	14	12	16	26	31	35	37	16	25	27	254
Pejabat	2	4	2	5	6	4	4	8	9	11	11	7	73
Premis Perniagaan	12	13	25	13	12	12	11	15	8	11	12	14	158
Kilang	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1

Jadual 22 : Kekerapan tempahan pembersihan dan penyelenggaraan bagi tahun 2016



[11]

PENILAIAN
OUTCOME

PENILAIAN *OUTCOME*

PERDA telah melaksanakan pendekatan pengukuran pencapaian program berasaskan *outcome* setelah melalui proses perancangan, pengagihan sumber dan pemantauan program/projek yang dilaksanakan. Amalan ini adalah selaras dengan arahan Surat Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2012 berhubung Garis Panduan Pengukuran Program/projek Melalui Penilaian *Outcome*. Pada tahun 2016, PERDA telah melaksanakan empat penilaian *outcome* seperti berikut:

- i. Penilaian *Outcome* Belia Pewaris Nusa & *U-Lead*
- ii. Penilaian *Outcome* Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
- iii. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi Dan Pemasaran)
- iv. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

i. Penilaian *Outcome* Program Belia Pewaris Nusa dan *U-Lead*

Program Belia Pewaris Nusa dan *U-Lead* yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk memperkasakan golongan belia dalam mempertingkatkan sumber dan kebolehan sendiri ke arah pembangunan jati diri dan semangat cintakan negara. Penilaian *outcome* ini mengukur pencapaian pelaksanaan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2015.

Program Belia Pewaris Nusa ini mensasarkan bilangan penyertaan seramai 1000 orang dan 150 orang peserta *U-Lead* melalui 24 aktiviti. Pencapaian *output* yang diperolehi adalah seramai 907 orang peserta dan 142 peserta *U-Lead*.

Manakala pencapaian *outcome* program, 26% dari jumlah peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 30%. Bagi indikator yang kedua iaitu 81% dari jumlah peserta mempunyai daya fikiran yang positif, jati diri dan semangat patriotisme. Ini melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 70% peserta berfikiran positif. Bagi aspek seterusnya, 100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi dan 66% dari bilangan peserta didaftarkan menyertai persatuan dan pertubuhan.

Hasil dari penilaian yang dibuat ini dapat dirumuskan bahawa kumpulan belia yang mengikuti program ini memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Secara keseluruhan dapat dilihat seperti di Jadual 23.

INDIKATOR PENCAPAIAN			
OUTPUT		OUTCOME	
SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
20 siri aktiviti BPN 4 siri <i>U-Lead</i> 1,000 peserta, (termasuk 150 peserta <i>U-Lead</i>)	18 siri aktiviti BPN 4 siri <i>U-Lead</i> 907 peserta, (termasuk 142 peserta <i>U-Lead</i>)	30% peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis 70% peserta berfikiran positif (jati diri & patriotisme meningkat) 100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi 60% peserta didaftarkan menyertai persatuan/pertubuhan	26% peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis 81% peserta berfikiran positif (jati diri & patriotisme meningkat) 100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi 66% peserta didaftarkan menyertai persatuan/pertubuhan

JADUAL 23 : Outcome Program Belia Pewaris Nusa & U-Lead

ii. Penilaian *Outcome* Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Penilaian *outcome* ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program SPKR yang telah dilaksanakan dalam tempoh tahun 2015. Hasil daripada penilaian yang dibuat, program ini telah mencapai objektifnya dengan peningkatan pendapatan peserta sekaligus berjaya mengeluarkan golongan tersebut daripada garis kemiskinan.

Program ini mensasarkan 60 peserta KIR bagi aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR dan telah berjaya melibatkan seramai 79 peserta. Manakala sasaran *output* bagi 80 peserta KIR & AIR melalui 2 aktiviti kursus latihan kemahiran telah berjaya mencapai 91 orang peserta dan 904 orang peserta KIR & AIR dapat dilaksanakan melalui 3 aktiviti program kesejahteraan rakyat. Hasil daripada pelaksanaan program SPKR ini, 95% peserta telah berjaya melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 80%.

Manakala 52% daripada jumlah peserta telah keluar dari senarai PGK melepasi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 50%. Ini menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan ini berjaya meningkatkan sebahagian besar peserta yang terlibat dan berjaya mengeluarkan mereka keluar daripada garis kemiskinan. Pencapaian keseluruhan *outcome* adalah seperti di Jadual 24.

INDIKATOR PENCAPAIAN			
OUTPUT		OUTCOME	
SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
60 peserta (KIR) 1 Aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR 80 peserta (KIR & AIR) 2 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (<i>soft skill</i>) 1,000 peserta (KIR & AIR) 3 Aktiviti program Kesejahteraan Rakyat	79 peserta (KIR) 1 Aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR 91 peserta (KIR & AIR) 2 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (<i>soft skill</i>) 904 peserta (KIR & AIR) 3 Aktiviti program Kesejahteraan Rakyat	80% peserta melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 50% peserta keluar senarai PGK	95% peserta melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 52% peserta keluar senarai PGK

JADUAL 24 : Outcome Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

iii. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi Dan Pemasaran)

Penilaian ini dilaksanakan adalah untuk menilai keberkesanan Program Pembangunan Usahawan Mikro. Program-program yang dinilai meliputi program latihan pembudayaan usahawan serta program promosi dan pemasaran yang telah dilaksanakan pada tahun 2015.

Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk mempromosi serta mengkomersialkan produk-produk keluaran IKS Bumiputera Pulau Pinang ke pasaran tempatan dan nasional. Hasil dari penilaian yang dibuat didapati seramai 371 usahawan telah menyertai eskpo di peringkat tempatan dan nasional. Bilangan ini menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan ini telah berjaya mencapai sasaran penyertaan iaitu 50 orang peserta. Dari pelaksanaan aktiviti kursus pembangunan usahawan pula, seramai 485 usahawan telah menyertai dan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 150 peserta.

Manakala dari aspek pengukuran *outcome* program, 40.8% dari jumlah syarikat yang dibimbing memperolehi peningkatan jualan tahunan melebihi 15%. Daripada jumlah usahawan yang dibimbing 15.5% dari syarikat telah mendapat pengiktirafan. Hasil daripada penilaian ini mendapati program yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan pembangunan usahawan ke arah yang lebih baik, namun aspek penambahbaikan perlu diambil bagi memastikan usahawan yang dibimbing lebih berdaya saing tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata. Secara keseluruhan pencapaian *outcome* seperti di Jadual 25.

INDIKATOR PENCAPAIAN			
OUTPUT		OUTCOME	
SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
50 usahawan menyertai ekspodi peringkat tempatan dan nasional 150 usahawan menyertai aktiviti kursus pembangunan usahawan 40 syarikat dapat memasarkan produk melalui <i>outlet</i> strategik	371 usahawan menyertai ekspodi peringkat tempatan dan nasional 485 usahawan menyertai aktiviti kursus pembangunan usahawan 30 syarikat dapat memasarkan produk melalui <i>outlet</i> strategik	50% syarikat yang dibimbing mencapai peningkatan nilai jualan tahunan melebihi 15% 10% syarikat mendapat pengiktirafan 10 syarikat/usahawan dapat memperkembangkan perniagaan ke pasaran nasional	40.8% syarikat yang dibimbing mencapai peningkatan nilai jualan tahunan melebihi 15% 15.5% syarikat mendapat pengiktirafan - TIADA syarikat dapat memperkembangkan perniagaan ke pasaran nasional

JADUAL 25 : *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi & Pemasaran)

iv. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada lepasan pelajar Bumiputera untuk mendapat latihan kemahiran teknikal dalam pelbagai bidang. Selain itu, ianya juga dapat menyediakan peluang kepada golongan sasar untuk meningkatkan ekonomi keluarga dan peningkatan taraf hidup.

Penilaian *outcome* ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran yang telah dilaksanakan di PERDA-TECH dalam tempoh tahun 2015.


Seramai 319 orang graduan telah menamatkan pengajian berbanding sasaran yang ditetapkan adalah 400 orang graduan manakala 6 pengiktirafan telah diperolehi berbanding hanya 4 pengiktirafan yang disasarkan. *Outcome* yang diperolehi daripada pelaksanaan program ini, 88% daripada jumlah graduan ini telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian manakala 12% graduan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya manakala 88.6% graduan mendapat gaji minima yang ditetapkan oleh kerajaan. Jadual 26 berikut menunjukkan pencapaian *outcome* secara keseluruhannya.

INDIKATOR PENCAPAIAN			
OUTPUT		OUTCOME	
SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
400 graduan tamat pengajian 4 pengiktirafan diperolehi	319 graduan tamat pengajian 6 pengiktirafan diperolehi	80% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian/graduan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya 85% graduan mendapat gaji minima yang ditetapkan oleh kerajaan	88 % graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian 12 % graduan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya 88.6% graduan mendapat gaji minima yang ditetapkan oleh kerajaan

JADUAL 26 : *Outcome* Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

[12]

DIARI PERISTIWA PERDA 2016



18 Februari 2016

- Majlis Menandatangani Perjanjian MoU PERODUA Training Centre/PERDA-TECH di ICU JPM Putrajaya



5 Mei 2016

- Majlis Pelancaran PERODUA Training Centre/PERDA-TECH di PERDA-TECH, Bukit Panchor SPS



9 Mei 2016

- Majlis Penyerahan Kunci di Projek Perumahan Taman Desa Ara



30 Mei 2016

- Penyampaian Bantuan Ekonomi Kecil PERDA



11 Jun 2016

- Majlis Ihya' Ramadhan Bersama TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Masjid Jamek Al-Islah, Pokok Tampang, Tasek Gelugor, SPU.



15 Julai 2016

- Bakti Siswa Siri 2/2016 PERDA-TECH.



25 September 2016

- Program Integrasi Nasional 1ICU JPM-Pertandingan Puisi dan Tarian 2016



6-9 Oktober 2016

- Sukan ICU JPM Koprojaya 2016, INSPEN Kajang, Selangor



20 November 2016

- Majlis Perasmian Ekspo Pelancongan Koperasi Agrotourism Tasek Gelugor di Jeti Nelayan Pengkalan Machang, SPU



28 November 2016

- Majlis Menandatangani MoU dan perasmian makmal 3D *Smart Maker* telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Mohd Azhar





[13]

PERDA DI AKHBAR

BH, Rabu, 9 November 2016

Ms.27

→ PENDIDIKAN



Mohd Asri bersama-sama calon SPM pada Seminar Pecutan Terakur Sains Elektif SPM di Kubang Menerong, Pulau Pinang.



Saya bersyukur apabila dipilih menyertai seminar ini kerana dapat memahirkan diri dengan teknik menjawab soalan lebih berkesan

Syed Wafy Syed Sheikh,
Pelajar SMK Pauh Jaya

PERDA bantu pelajar kuasai subjek Sains Tulen

Buka peluang ke universiti, laksana tanggungjawab sosial korporat

Oleh Nur Izzati Mohamad
upen@bh.com.my

► Tasek Gelugor

Kelompokan menguasai subjek Sains Tulen dan Matematik Tambahan mendorong Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan kerjasama BH mengadakan Seminar Pecutan Akhir Sains Elektif bagi pelajar yang mendeduksi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tahun ini.

Seminar yang berlangsung tiga hari itu membabitkan 250 pelajar dari 24 sekolah terpilih di seluruh Pulau Pinang yang berpeluang

menambah ilmu dan mengetahui teknik menjawab soalan dengan berkesan bagi subjek Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan.

Sekolah dapat tempat Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) PERDA, Mohd Asri Baharum, berkata kelegian membabitkan subjek berkenaan, menyebarkan kehebatan pelajar lepasan SPM untuk mendeduksi tempat di universiti dan kolej matriculasi yang menawarkan pengajian sains.

Berikutan itu, beliau berkata, PERDA cuba membantu mengadakan program berbentuk akademik seperti ini bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam

Info

Seminar
SPM anjuran
PERDA

► 250 peserta
► Membabitkan
24 sekolah
► Lokasi Kubang
Menerong

subjek berkenaan.

"Melalui Program Didik Cemerlang Akademik, PERDA berusaha mendekatkan pelajar yang lemah dalam subjek tertentu dengan membantu mengadakan program berbentuk akademik sebagai satu daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

"Lebih menarik, seminar yang mendapat kerjasama BH itu secara tidak langsung memperluas program yang ingin PERDA laksanakan apabila BH mempunyai kepakaran serta pengalaman luas dalam mengendalikan program seumpama ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan seminar berkenaan, di Kubang Menerong, di sini, baru-baru ini.



SHABUDIN YAHAYA (tiga dari kiri) memandir udang galah selepas merasmikan Ekspo Pelancongan Koperasi Agrotourism Parlimen Tasek Gelugor di Pengkalan Machang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, baru-baru ini. -UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM

Alam semula jadi 3 kampung tarik pelancong

TASEK GELUGOR 21 Nov. - Keistimewaan alam semula jadi yang dimiliki tiga buah kampung dalam kawasan parlimen ini akan digabungkan bagi mewujudkan pakej pelancongan menarik sekali gus menjana pendapatan penduduk setempat.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya berkata, pelbagai rahsia alam yang wujud di Kampung Labuh Banting, Kampung Air Hitam Dalam dan Kampung Pengkalan Machang di Sungai Dua yang selama ini 'tersembunyi' akan dipromosikan melalui konsep agro pelancongan.

Katanya, ketiga-tiga kawasan berkenaan mempunyai tarikan seperti hutan paya bakau, jaring-jaring sungai, kawasan habitat flora dan fauna serta pelbagai spesies ikan air tawar.

"Lebih menarik, spesies udang galah yang terdapat di sini merupakan antara yang terbaik dalam negara malah telah ditenak di New Zealand, jadi semua aspek ini akan menjadi pakej pelancongan menarik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Pelancongan dan Koperasi Agrotourism Tasek Gelugor di sini baru-baru ini.

Menurut Shabudin, bagi fasa pertama pengenalan pakej pelancongan berkenaan, pihaknya dengan kerjasama pelbagai agensi telah membangunkan serta membaiki kemudahan infrastruktur asas seperti jeti, gerai makan, surau, kawasan parkir bot dan depoh rehat untuk kemudahan pelancong.

Dalam masa sama, katanya, pengusaha inap desa di sekitar Lahar Yoo telah diberi latihan untuk menerima kehadiran pelancong dalam dan luar negeri seperti China, Jepun dan Taiwan yang sangat

berminat dengan konsep pelancongan sedemikian.

"Bagi pelancong tempatan pula, mereka datang ke sini untuk menikmati pelbagai makanan laut terutama di Sungai Dua yang terkenal dengan char kueitow selain makanan tradisional yang dihasilkan penduduk setempat," katanya.

Menurut beliau, berdasarkan penilaian, seramai 300 penduduk kampung akan menerima manfaat hasil program berkenaan malah ada yang mampu mendapat tambahan pendapatan mencecah RM1,000 sebulan terutama yang bekerja dalam sektor mengusahakan bot-bot kecil untuk kemudahan pelayaran.

"Pada masa depan, sebuah kapal berkonsep cruise akan beroperasi di sungai di kawasan ini yang akan membawa pelancong menyusuri sungai untuk melihat burung serta kelip-kelip di Kuala Sungai Perai," katanya.

Tiga lokasi destinasi pelancongan



Shabudin ketika melawat sungai di Pengkalan Machang.

TASEK GELUGOR-Tiga lokasi di kawasan Tasek Gelugor ini bakal jadi sebagai kawasan yang mampu dijadikan sebagai destinasi pelancongan untuk menarik minat pelancong ke kawasan ini.

Kawasan yang dikenali sebagai 'pantai' pelbagai sumber alam semula jadi dan abstrak ini adalah Labuh Banting, Pengkalan Machang dan Air Hitam Dalam.

Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Datuk Shabudin Yahaya berkata ketiga lokasi ini dikenali sebagai destinasi pelancongan bersejarah.

"Untuk tahun pertama dan seterusnya, kami akan membangunkan infrastruktur asas seperti jeti, gerai makan, surau, kawasan parkir bot dan depoh rehat untuk kemudahan pelancong."

an ke hutan dan beberapa aktiviti sukan air.

Katanya, pihaknya yakin ketiga-tiga lokasi yang dipilih ini mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan agro.

"Dalam masa sama, kawasan ini juga mempunyai sairan sungai serta dengan habitat flora dan fauna yang membolehkan mereka menyaksikan keindahan alam."

"Apa yang paling penting, pelaksanaan pelancongan agro ini juga sudah pasti memberi nilai tambah dan manfaat kepada hampir 300 penduduk tempatan yang akan menjadi penggerak utama untuk merasmikan pelancongan agro ini ketika dilaksanakan," katanya.

BH Khamis, 29 September 2016 Ms.2

→ **BELIA**

Fakta nomor

10 SIRI
Program
Pemeriksaan Belia

73 PESERTA
terbabit program di Lumut



Mohd Asri bergambar bersama peserta pada upacara penutup Program Pemeriksaan Belia Siri 4 di Lumut.

PERDA perkasa golongan muda

● Generasi masa kini digalak sertai aktiviti kemasyarakatan, pupuk bakat kepimpinan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

■ Lumut

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) mengahayakan modul pembangunan belia dalam usaha membentuk jati diri dan melahirkan bakal pemimpin berkecemerlangan melalui pelaksanaan Program Pemeriksaan Belia.

Program yang memfokuskan golongan belia berusia 18 hingga 40 tahun sebagai kumpulan sasaran itu dilaksanakan sejak Januari lalu, membabitkan 10 siri meliputi penyertaan belia seluruh kawasan parlimen di Pulau Pinang.

Timbalan Pengerusi Besar (Pembangunan) PERDA, Mohd Asri Baharum, berkata sehingga kini pihaknya sudah melaksanakan empat siri program termasuk yang terbaru membabitkan 73 peserta The Orient Star Resort, Lumut, di sini.

Aspek pembangunan komuniti dan masyarakat belia berkata, modul disediakan itu secara tidak langsung menyumbang kepada negara antaranya dalam aspek pembangunan komuniti dan masyarakat.

PERDA komited membentuk modul pembangunan belia yang digunakan pada setiap program dilaksanakan.

"Sepanjang tahun ini, kita menyasarkan 10 siri program dapat diadakan supaya lebih banyak belia berpeluang menyertai aktiviti dibuat dan paling penting mencapai objektif yang ditetapkan," katanya ketika ditemui selepas Maglis Penutup Program Pemeriksaan Belia Siri Keempat, di sini.

Pada program berkenaan, pelbagai aktiviti menguji tahap kecekapan mental dan fizikal peserta termasuk latihan dalam kumpulan (LDR) yang mempunyai pelbagai segmen seperti 'ice breaking', persembahan eksplore dan aktiviti kesamaan dilakukan.

Mohd Asri berkata, pembabitkan belia dalam program siri terdapat dalam memberi impak positif kepada belia membangkitkan kepercayaan kepada masyarakat.

"Selepas melaksanakan program ini, kita akan mengadakan lagi siri bagi mengetahui kecekapan belia seluruh pulau kawasan mereka dengan mencari barisan barisan peserta untuk diuji."

Ragimamang, tugasan buat mendapati peserta program sebelum ini dibabit aktiviti seperti pelbagai program kemasyarakatan yang diadakan di kawasan masing-masing termasuk aktiviti kesamaan dan program sukan.

Jadi pusat latihan lahir tenaga profesional

Perda-Tech diperkasa

Oleh AZELI ALI
azeli.ah@utusan.com.my

■ NIBONG TEBAL 10 NOV.

INSTITUT Kemahiran Tinggi Perda (Perda-Tech) akan dijadikan Pusat Kemahiran Lanjutan (Coas) iaitu pusat latihan yang menyediakan program persijilanan profesional bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Usaha itu selaras dengan matlamat institusi berkenaan melahirkan lebih ramai modal insan profesional selari dengan hasrat kerajaan mencari tenaga kerja mahir yang memiliki pengetahuan



SHABUDIN YAHAYA

latihan kemahiran di institusi ini berjaya meningkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat khususnya yang berada di kawasan luar bandar dan membantu usaha pembangunan kepada masyarakat dan negara.

huan tahap tinggi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), Datuk Shabudin Yahaya berkata, Coas akan memberi manfaat kepada pelajar yang mahu meningkatkan sijil kemahiran mereka untuk pembangunan kerajaan dan pendaptan.

"Pelaksanaan latihan kemahiran di institusi ini berjaya meningkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat khususnya yang berada di kawasan luar bandar dan membantu usaha pembangunan kepada masyarakat dan negara."

Adakah pertanyaan hartanah

● PERDA rancang pelbagai aktiviti wujud tarikan agro pelancongan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

■ Nibong Tebal

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) merancang pelbagai aktiviti wujud tarikan agro pelancongan.

Katanya, PERDA meletakkan sasaran menjadikan setiap siri lokasi ini dalam tempoh lima tahun secara berperingkat, sebelum konsep agro pelancongan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

"Bagi tahun pertama dan kedua ini, kita merancang membina infrastruktur dan infrastruktur di setiap lokasi berkenaan dengan projek pembangunan agro pelancongan di Laboh Bering dan Pengkalan Machang untuk tahap pertama," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Tambahnya, Perda turut merancang membuka satu lagi cawangan Perda-Tech di bahagian pulau negeri ini bagi membuka lebih banyak peluang kepada pelajar khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian.

Katanya, Perda komited melaksanakan perkara itu kerana yakin pembukaan cawangan baharu itu akan membuka peluang kepada lepasan sekolah untuk meneruskan pengajian bersama Perda-Tech.

Ms.24

→ **PELANCONGAN**

Shabudin menunjukkan adag gelah yang digunakan sebagai alat pelancongan kepada Agensi Agropelancongan, siri pertama Program Survei Agro Pelancongan di kawasan Agropelancongan.

Shabudin (dua dari kiri) bersama Zuhri (kanan) menunjukkan bentuk omak adag gelah di Jelutong Machang, Tasek Gelagar.

3 lokasi di Tasek Gelagar dibangun pikat pelancongan

beberapa agensi kerajaan lain merancang untuk membangunkan aktiviti pelancongan bersepadu bertepatan dengan tahun ini.

Kawasan tiga lokasi pembangunan agro pelancongan di kawasan Tasek Gelagar, Perda meletakkan sasaran menjadikan setiap siri lokasi ini dalam tempoh lima tahun secara berperingkat, sebelum konsep agro pelancongan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

"Bagi tahun pertama dan kedua ini, kita merancang membina infrastruktur dan infrastruktur di setiap lokasi berkenaan dengan projek pembangunan agro pelancongan di Laboh Bering dan Pengkalan Machang untuk tahap pertama," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Tambahnya, Perda turut merancang membuka satu lagi cawangan Perda-Tech di bahagian pulau negeri ini bagi membuka lebih banyak peluang kepada pelajar khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian.

Katanya, Perda komited melaksanakan perkara itu kerana yakin pembukaan cawangan baharu itu akan membuka peluang kepada lepasan sekolah untuk meneruskan pengajian bersama Perda-Tech.

The background of the slide is a collage of financial-related images. It includes a close-up of a calculator with a digital display showing '698542997', a pen, and several financial charts with line graphs. A large red arrow graphic points from the top left towards the center, where the text '[14]' is located.

[14]

PENYATA KEWANGAN PERDA 2016



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 48.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 282.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit terhadap akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 7 kepada penyata kewangan, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2017



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA dan HAJI ROSMAN BIN HASHIM yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan pada 31 Disember 2016, dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga



Nama : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 18 Ogos 2017

Butterworth, Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga



Nama : HAJI ROSMAN BIN HASHIM

Gelaran : Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 18 Ogos 2017


Butterworth, Pulau Pinang

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN**

Saya, NOR RIYANA BINTI RAMLI, No. K/P:740326-02-5990 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya buat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya]
diakui oleh penama di atas di]
Kepala Batas, Pulau Pinang pada]
17 AUG 2017]


PENGURUS KEWANGAN

Di hadapan saya,



No 23, Tingkat 1,
Jalan Usaha 4,
Pusat Perniagaan Kepala Batas,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang.

1

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		PERDA	
Nota		2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)	2016 RM	2015 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	93,623,466	86,295,862	92,708,025	85,194,381
Hartanah Pelabuhan	5	62,116,599	38,047,056	59,382,711	35,255,000
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan	6	181,890,972	196,945,332	181,890,972	196,945,332
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	7	-	-	1,250,000	1,250,000
Terimaan Jangka Panjang	8	9,825,839	9,668,034	9,825,839	9,668,034
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		347,456,876	330,956,284	345,057,547	328,312,747
ASET SEMASA					
Hartanah Pembangunan	9	40,216,003	19,243,993	32,777,968	12,546,122
Inventori	10	6,470,678	8,645,033	6,111,613	8,315,633
Penghutang Perniagaan	11	6,957,931	24,527,331	6,957,931	24,527,331
Penghutang Tabung Akaun Khas MPBPP	12	114,237,135	111,002,635	114,237,135	111,002,635
Amaun terhutang daripada Syarikat Subsidiari		-	-	5,165,824	8,679,720
Depositi dan Prabayar		5,877,644	5,757,586	1,347,044	1,370,771
Bahagian Semasa Bagi Terimaan Jangka Panjang	8	675,918	652,507	675,918	652,507
Penghutang Pelbagai		12,296	15,210	12,296	15,210
Cukai		189,018	36,443	189,018	36,443
Simpanan Tetap	13	98,947,800	117,667,930	96,647,800	114,647,800
Wang di Bank dan di Tangan	14	55,951,806	30,208,918	55,768,624	30,019,357
JUMLAH ASET SEMASA		329,536,229	317,757,586	319,891,171	311,813,529
JUMLAH ASET		676,993,105	648,713,870	664,948,718	640,126,276
EKUITI					
Pemberian Kumpulan Wang Rezab		548,381	548,381	548,381	548,381
Kumpulan Wang Pinjaman	15	13,500,000	13,500,000	13,500,000	13,500,000
Lebihan Pendapatan Berkumpul		231,419,143	218,025,878	229,322,388	216,412,428
JUMLAH EKUITI		245,467,524	232,074,259	243,370,769	230,460,809
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pemberian Kerajaan Persekutuan	16	218,842,018	208,271,811	213,389,194	206,203,308
Akaun Amanah	17	12,638,983	13,997,299	12,638,983	13,997,299
Tabung Akaun Khas MPBPP		143,489,791	137,188,448	143,489,791	137,188,448
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	18	293,297	2,241,170	293,297	2,241,170
Cukai Tertunda		62,400	62,400	-	-
Pinjaman Akaun Khas MPBPP		31,476,365	27,241,865	31,476,365	27,241,865
Pinjaman Projek Komersial		3,513,893	3,513,893	3,513,893	3,513,893
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		410,316,747	392,516,886	404,801,523	390,385,983
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Perniagaan		7,821,015	9,041,179	7,821,015	9,041,179
Pemiutang Pelbagai		4,528,119	4,942,452	108,611	112,412
Depositi dan Bayaran Terakru		6,911,827	6,108,613	6,898,927	6,095,412
Bahagian Semasa Pinjaman Kerajaan Persekutu:	18	1,947,873	4,030,481	1,947,873	4,030,481
JUMLAH LIABILITI SEMASA		21,208,834	24,122,725	16,776,426	19,279,484
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		676,993,105	648,713,870	664,948,718	640,126,276

2

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	KUMPULAN		PERDA	
		2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)	2016 RM	2015 RM
Hasil	19	1,780,868	8,517,731	1,780,868	8,517,731
Kos Jualan		(2,568,521)	(7,993,930)	(2,568,521)	(7,993,930)
(Kerugian)/Keuntungan Kasar		(787,653)	523,801	(787,653)	523,801
Lain-lain Pendapatan	20	56,614,455	56,507,712	51,198,526	51,381,369
Perbelanjaan Pentadbiran		(21,336,616)	(20,262,210)	(21,336,616)	(20,262,210)
Lain-Lain Perbelanjaan		(19,764,701)	(27,939,735)	(14,987,686)	(23,137,977)
Kos Kewangan	21	(412,521)	(1,450)	(412,521)	(1,450)
Keuntungan Sebelum Cukai	22	14,312,964	8,828,118	13,674,050	8,503,533
Cukai	23	(919,699)	(898,440)	(764,090)	(796,718)
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun Selepas Cukai, Mewakili Jumlah Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan		13,393,265	7,929,678	12,909,960	7,706,815

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN WANG PENGURUSAN	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (Dinyatakan semula)	KUMPULAN WANG REZAB	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN				
Baki Pada 1 Januari 2015	(18,607,797)	228,395,658	278,599	210,066,460
Pelarasan pendapatan disebabkan peralihan ke MPERS	-	29,740	-	29,740
(Kurangan)/Lebih Selepas Cukai	(7,127,254)	15,056,932	-	7,929,678
Baki Pada 31 Disember 2015	(25,735,051)	243,482,330	278,599	218,025,878
Baki Pada 1 Januari 2016	(25,735,051)	243,482,330	278,599	218,025,878
(Kurangan)/Lebih Selepas Cukai	(75,468)	13,468,733	-	13,393,265
Baki Pada 31 Disember 2016	(25,810,519)	256,951,063	278,599	231,419,143
PERDA				
Baki Pada 1 Januari 2015	(18,607,797)	227,034,811	278,599	208,705,613
(Kurangan)/Lebih Selepas Cukai	(7,127,254)	14,834,069	-	7,706,815
Baki Pada 31 Disember 2015	(25,735,051)	241,868,880	278,599	216,412,428
Baki Pada 1 Januari 2016	(25,735,051)	241,868,880	278,599	216,412,428
(Kurangan)/Lebih Selepas Cukai	(75,468)	12,985,428	-	12,909,960
Baki Pada 31 Disember 2016	(25,810,519)	254,854,308	278,599	229,322,388

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN 2016 RM (Dinyatakan semula)		PERDA 2016 RM (Dinyatakan semula)	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI OPERASI				
Kelebihan Pendapatan Bagi Tahun Sebelum Cukai	14,312,964	8,828,118	13,674,050	8,503,533
Pelarasan Untuk:	9,781,109	16,699,257	6,207,723	9,723,216
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	2,899,762	3,292,300	2,673,627	3,065,496
Susutnilai Hartanah Pelaburan	58,168	58,168	-	-
Keuntungan Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	1,427,025	-	1,427,025
Faedah Dibayar	412,521	1,450	412,521	1,450
Dividen Diterima	(62,631)	(96,618)	(62,631)	(96,618)
Faedah Diterima	(3,188,233)	(3,513,667)	(3,056,359)	(3,186,871)
Pelarasan Susutnilai Aset	-	4,111	-	4,111
Kerugian Atas Pelupusan Harta	-	1,370,317	-	1,370,317
Pelarasan Aset	-	1,631,988	-	1,631,988
Hapuskira	5,279	270,087	1	19,622
Pelupusan Harta	4,943	-	4,943	-
Pelunasan Pemberian Kerajaan Persekutuan	9,651,300	12,254,096	6,235,621	5,486,696
KEUNTUNGAN SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	24,094,073	25,527,375	19,881,773	18,226,749
PERUBAHAN MODAL KERJA	(5,411,182)	(35,809,914)	(572,839)	(31,258,786)
Inventori	2,174,355	4,399,176	2,204,020	4,588,597
Hartanah Pembangunan	(20,972,010)	(2,502,266)	(20,231,846)	517,878
Akaun Belum Terima	14,217,756	(25,521,908)	17,875,437	(31,687,154)
Akaun Belum Bayar	(831,283)	(12,184,916)	(420,450)	(4,678,107)
TUNAI DIGUNAKAN DARI AKTIVITI OPERASI	18,682,891	(10,282,539)	19,308,934	(13,032,037)
Cukai Dibayar	(1,072,274)	(1,458,320)	(916,663)	(1,085,598)
Cukai Dipulangkan	-	-	-	-
Pelarasan Cukai Tertunda	-	8,600	-	-
Faedah Dibayar	(412,521)	(1,450)	(412,521)	(1,450)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI	17,198,096	(11,733,709)	17,979,750	(14,119,085)
ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI PELABURAN	(11,140,360)	(44,628,237)	(11,203,551)	(44,778,042)
Perbelanjaan Pembangunan Tanah	15,054,360	10,090,046	15,054,360	10,090,046
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(10,238,526)	(10,544,983)	(10,187,274)	(10,367,987)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(17,431)	(1,370,317)	-	(1,370,317)
Pembelian/(Pelarasan) Hartanah Pelaburan	(24,127,711)	(14,135,000)	(24,127,711)	(14,135,000)
(Perbelanjaan)/Terimaan Akaun Amanah	(1,358,316)	1,676,514	(1,358,316)	1,676,512
(Perbelanjaan)/Terimaan Tabung Akaun Khas MPBPP	6,301,343	(32,527,758)	6,301,343	(32,527,760)
Hasil/(Kos) Pelupusan/Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	-	(1,427,025)	-	(1,427,025)
Pelupusan Hartanah Pembangunan	(4,943)	-	(4,943)	-
Dividen Diterima	62,631	96,618	62,631	96,618
Faedah Diterima	3,188,233	3,513,668	3,056,359	3,186,871

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		PERDA	
	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan semula)	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	965,121	(3,341,781)	973,068	4,425,619
Pemberian Kerajaan Persekutuan	918,907	(15,120,883)	950,265	(7,353,483)
Kumpulan wang Pinjaman	(157,805)	(726,073)	(181,216)	(726,073)
Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan	(4,030,481)	(23,690)	(4,030,481)	(23,690)
Pinjaman Akaun Khas MPBPP	4,234,500	12,528,865	4,234,500	12,528,865
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
Pertambahan/(Pengurangan) Dalam Tahun Tunai dan Kesetaraan Tunai:	7,022,857	(59,703,727)	7,749,267	(54,471,508)
Baki Pada Awal Tahun	147,876,749	207,580,575	144,667,157	199,138,665
Baki Pada Akhir Tahun	154,899,606	147,876,848	152,416,424	144,667,157
Tunai dan Kesetaraan Tunai di atas diwakili oleh:	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Simpanan Tetap (Nota 13)	98,947,800	117,667,930	96,647,800	114,647,800
	154,899,606	147,876,848	152,416,424	144,667,157

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

6

KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama PERDA adalah seperti berikut:

- (a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio-ekonomi dan infrastruktur dalam kawasan operasi.
- (b) Memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan perumahan, perindustrian, perdagangan, keusahawanan dan sumber manusia.
- (c) Mengawal dan menyelaras pelaksanaan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dan program-program yang diamanahkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan Kerajaan Negeri.

Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 7.

Lokasi perniagaan PERDA adalah di No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan PERDA disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana mengikut arahan yang terkandung dalam Seksyen 23 Akta 282, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dan Piawaian Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Pada bulan Oktober 2015, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah menerbitkan pindaan kepada MPERS berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016. PERDA telah mengguna pakai pindaan MPERS tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

7

(a) Asas Perakaunan (Samb)

- (ii) Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Kertas Melalui Pekeliling Bil.(1)/2017, bertarikh 18 Ogos 2017.

(b) Peralihan kepada kerangka MPERS

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, PERDA dan syarikat subsidiari telah menerima pakai Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS). Tarikh peralihan kepada kerangka baru MPERS ialah pada 1 Januari 2015.

Pemakaian kerangka baru MPERS memerlukan semua standard di dalam MPERS digunakan oleh PERDA dan syarikat subsidiari bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2016, Penyata Kewangan Perbandingan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dan Pembukaan Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPERS.

Peralihan kepada MPERS tidak memberi kesan kewangan kepada Penyata Kedudukan Kewangan PERDA dan syarikat subsidiari pada 1 Januari 2015 dan 31 Disember 2015 serta apa-apa pendedahan yang berkaitan kecuali pendedahan yang dinyatakan di nota 28.

(c) Pemakaian awal pindaan kepada MPERS

Pada bulan Oktober 2015, MASB telah mengeluarkan pindaan kepada MPERS yang melibatkan permulaan penyata kewangan pada atau selepas 1 Januari 2017, di mana permohonan awalnya dibenarkan.

Pemakaian awal pindaan kepada MPERS tidak memberi kesan kepada penyata kewangan PERDA dan syarikat subsidiari bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

8

(d) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting

Penyediaan penyata kewangan menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan terjejas.

(i) Penilaian yang dibuat dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan

Tidak terdapat bidang penilaian kritikal yang penting dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir tempoh pelaporan yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah:

(iii) Jangka hayat aset yang boleh disusutnilai

Loji dan jentera disusut nilai berdasarkan garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Pengurusan menganggarkan jangka hayat aset ini sehingga 5 tahun. Perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi yang dijangka dapat memberi kesan kepada kehidupan berguna ekonomi dan nilai baki loji dan jentera. Oleh itu caj susut nilai pada masa hadapan boleh disemak semula.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

9

(d) Anggaran Perakaunan dan penilaian yang penting (Samb.)

(iv) Kemerosotan hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan dan PERDA melakukan tinjauan kemerosotan apabila terdapat penunjuk rosot nilai untuk memastikan nilai bawaan loji dan peralatan tidak melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah boleh diperolehi mewakili nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangkakan akan timbul daripada operasi berterusan. Oleh itu, apabila mencapai jumlah yang boleh diperolehi semula, penilaian pelaksanaan pengurusan dalam menganggarkan arus kas masa depan, kadar pertumbuhan dan kadar diskaun.

(v) Kemerosotan nilai pinjaman dan penghutang

Kumpulan dan PERDA menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, Kumpulan dan PERDA mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesulitan kewangan yang ketara dari penghutang dan kegagalan atau keterlambatan penting dalam pembayaran di mana terdapat bukti objektif penurunan nilai, amaun dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian sejarah aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(vi) Kos Hartanah Pembangunan

Kumpulan dan PERDA mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam keuntungan atau kerugian dengan menggunakan kaedah peringkat penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh tinjauan kerja yang dilakukan. Penilaian penting diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, sejauh mana kos pembangunan hartanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan harta, serta pemulihan projek-projek pembangunan. Dalam membuat penilaian, PERDA menilai berdasarkan pengalaman masa lalu dan bergantung kepada kerja arkitek.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

10

(e) Asas Penyatuan

(i) Subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan PERDA dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuatkuasa, mengikut kesesuaian.

Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam lembaran imbalan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian PERDA daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam lembaran imbalan yang disatukan sebagai Muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula.

Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf.

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

11

(e) Asas Penyatuan (Samb.)

(ii) Entiti Bersekutu

Entiti bersekutu adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting tetapi tiada kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam entiti-entiti bersekutu dinyatakan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berdasarkan penyata kewangan terakhir yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan entiti-entiti bersekutu tersebut. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian keuntungan/(kerugian) entiti-entiti bersekutu pada tahun kewangan tersebut. Pelaburan PERDA di dalam entiti bersekutu dibawa ke dalam lembaran imbalan pada amaun yang menggambarkan bahagian aset bersih entiti bersekutu dan termasuk Muhibbah ke atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak akan diteruskan bilamana nilai yang dibawa di dalam entiti bersekutu mencecah sifar, melainkan Kumpulan mempunyai obligasi atau obligasi jaminan di dalam entiti bersekutu.

Untung belum direalisasi di dalam transaksi di antara Kumpulan dan entiti-entiti bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam entiti tersebut. Rugi belum direalisasi juga dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti bersekutu untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

(f) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susunilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipermodalkan adalah yang bernilai RM 2,000 ke atas mulai tahun 2014.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

12

(f) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb)

Keuntungan atau kerugian dari pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara angaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

Selain daripada kerja dalam pelaksanaan dan tanah, hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan garis lurus untuk menghapuskan kos harta dalam jangka masa hayat kegunaan harta-harta tersebut. Susutnilai bagi dikenakan pada bulan di mana hartanah, loji dan peralatan itu dibeli. Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan dan dipindahkan ke kategori hartanah, loji dan peralatan apabila kerja pembinaan tamat.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Ubahsuai Bangunan Pejabat	20% - 100% setahun
Motor Kenderaan	20% setahun
Perabot danengkapan	10% setahun
Alatan Pejabat	10% setahun
Alat Audio dan Fotografi	20% setahun
Bangunan Tetap	2%-20% setahun
Bangunan Sementara	20%-100% setahun
Kemudahan-Kemudahan	100% setahun
Kenderaan dan Jentera	20% setahun
Harta-Harta Modal Yang Lain	20% setahun
Tanah Milik Bebas	Tidak disusutnilaikan
Tanah Pajakan	99 Tahun atau mengikut usia pajakan

Tanah pajakan dilunas mengikut usia pajakannya. Pelunasan tanah pajakan yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah dihapuskira terhadap peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala pelunasan tanah pajakan yang dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan atau sumber sendiri adalah dihapuskira dalam Penyata Pendapatan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

13

(g) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan terdiri dari tanah yang ditetapkan untuk dimajukan di masa depan dan ianya dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan ke atas tanah dan pembangunan. Kos akan diklasifikasikan sebagai hartanah pembangunan apabila kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau apabila ianya dimaksudkan untuk dijual sebagai tanah kosong.

(h) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri dari bangunan yang dibuat untuk tujuan disewakan dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan PERDA dan ianya diiktiraf pada nilai kos. Hartanah pelaburan dianggap sebagai pelaburan jangka panjang dan dinyatakan pada nilai buku bersih dengan kadar susutnilai tahunan 2 peratus ke atas harga kos hartanah pelaburan tidak termasuk kos tanah. Model kos digunakan untuk mengukur nilai hartanah pelaburan selepas ia diiktiraf.

Semasa pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan antara terimaan bersih dari pelupusan dan nilai dibawa adalah dikenakan atau dikreditkan ke Penyata Pendapatan.

(i) Hartanah Pembangunan

Hartanah pembangunan adalah hartanah yang mana kerja-kerja pembangunan yang penting telah dijalankan dan dijangkakan akan disiapkan dalam pusingan aktiviti yang normal atau biasa. Hartanah pembangunan adalah dinyatakan pada kos tambah keuntungan yang boleh diperolehi tolak jangkaan kerugian dan bil-bil kemajuan yang berkenaan. Kos termasuk kos tanah dan kos pembangunan secara langsung dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan dengan pembiayaan bagi pembangunan. Keuntungan yang boleh diperolehi dan jangkaan kerugian akan dikontrakan dengan kos pembangunan yang berkaitan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

14

(j) Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan anggaran jangkaan kerugian yang mungkin timbul dari akaun-akaun penghutang yang tidak dapat dikutip. Anggaran ke atas peruntukan hutang ragu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk pula dihapuskan pada tempoh ianya dikenalpasti.

(k) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Inventori terdiri daripada rumah, rumah kedai dan bangunan siap dibina, lot industri, inventori pengeluaran dan ternakan.

Kos termasuk di mana wajar, sebahagian kos pasti yang berkenaan dan adalah ditentukan berdasarkan purata pertimbangan atau di atas dasar pengenalan yang tertentu.

Bagi ternakan komoditi kambing, kambing dibeli dan ditanam semula. Kambing pemeliharaan yang dibeli dinyatakan pada kos. Kambing yang ditanam semula dinyatakan pada nilai pasaran, kecuali kos yang terlibat adalah lebih tinggi. Jika nilai pasaran baka kambing lebih tinggi daripada kos, perbezaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ternakan kambing ini adalah tidak dilunaskan.

Ternakan untuk perdagangan terdiri daripada baka kambing dinilai pada kos yang lebih rendah dan nilai realisasi bersih. Kos ternakan itu terdiri daripada kos operasi dan kos langsung yang ditanggung semasa membiakkan ternakan. Penentuan kos adalah ditentukan berdasarkan kaedah yang tertentu.

(l) Cukai Semasa dan Tertunda

Perbelanjaan cukai dalam keuntungan atau kerugian merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali pada tahapnya ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

15

(l) Cukai Semasa dan Tertunda (Samb.)

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka yang perlu dibayar atau boleh diterima atas pendapatan atau kerugian yang boleh dikenakan cukai bagi tahun ini, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang kena dibayar berkenaan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai mereka. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara dan sebaliknya berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal pada akhir tempoh pelaporan. Pengukuran cukai tertunda adalah berdasarkan kepada jangkaan realisasi atau penyelesaian jumlah bawaan aset dan liabiliti, pada akhir tempoh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaunkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat kebenaran yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti kena cukai yang sama, atau di entiti cukai yang berbeza, tetapi jika berhasrat untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai ia akan direalisasikan serentak. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa depan akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda akan dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

(m) Cukai Barang dan Perkhidmatan

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) adalah cukai penggunaan berdasarkan konsep nilai ditambah. GST dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantaian bekalan termasuk pengimportan barangan dan perkhidmatan, pada kadar

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

16

(m) Cukai Barang dan Perkhidmatan (Samb.)

cukai yang dikenakan sebanyak 6%. Cukai input yang dibayar pada perolehan adalah diimbangi dengan cukai output.

Pendapatan, perbelanjaan dan aset diiktiraf selepas GST kecuali:

- di mana GST yang ditanggung dalam pembelian aset atau perkhidmatan tidak dapat diperolehi dari pihak berkuasa, yang mana GST diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan aset atau sebagai sebahagian daripada perkara perbelanjaan yang berkenaan; dan

-perolehan dan pembayaran yang dinyatakan dengan sekali GST.

GST bersih boleh diperolehi daripada, atau kena dibayar kepada, pihak berkuasa percukaian dimasukkan sebagai sebahagian daripada penerimaan atau pemiutang dalam penyata kedudukan kewangan.

(n) Geran Kerajaan

Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah diiktiraf berdasarkan asas tunai. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Belanja Mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan.

Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Kemudahan Pengurusan di bawah Belanjawan Pembangunan adalah diambilkira sebagai pendapatan.

Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan Kemudahan Pembangunan di bawah Belanjawan Pembangunan adalah diambilkira sebagai pendapatan tertunda.

(o) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

